AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"HADIS daripada Ahmad Ibnu Hanbal daripada Ibnu Umar Radiallahuanhu yang bermaksud : "Apabila engkau bertemu orang haji (yang baru balik haji) maka bersalaman dengannya dan berjabat tanganlah dengannya dan suruhlah ia berdoa memohon keampunan untuk dirimu sebelum dia masuk ke rumahnya, maka sesungguhnya dia itu telah mendapat keampunan Allah Subhanahu Wata'ala (doanya adalah dimakbulkan)".**

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.34 SUBUH 4.44 SYURUK 6.09 DUHA 6.33 ZUHUR 12.22 ASAR 3.48 MAGHRIB 6.33 ISYAK 7.49
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 72 | 16 JUN 2025 / 1446 ذوالحجة 19 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN PERCUMA

# BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAKZIAH

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Presiden Republik India, Puan Yang Terutama Droupadi Murmu dan Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Narendra Modi, kerajaan dan rakyat Republik India berikutan dengan nahas pesawat Air India AI 171 di Ahmedabad, Republik India baru-baru ini.

# 251 jemaah haji selamat tiba di NBD

Oleh : Haniza Abdul Latif

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Jun. - Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dipenuhi oleh ahli keluarga dan sanak-saudara yang mengalu-alukan kepulangan jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi penerbangan ketiga yang selamat mendarat menggunakan Pesawat Diraja Brunei (RB) BI4226 pada pukul 4.39 petang tadi.

>> Muka 3



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) semasa mengalu-alukan kepulangan jemaah haji. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.**

## Memperkukuh objektif negara mempelbagaikan sektor tenaga

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 14 Jun. - Majlis Penandatanganan Perjanjian bagi Joint-Venture Agreement, Land Lease Agreement dan Power Purchase Agreement bagi pelaburan, pembinaan dan pengendalian Loji Jana Kuasa Fotovoltaik Solar 30 MW (SPVPP) di Kampung Belimbing Subok berlangsung di Dewan Bankuet, Kompleks Jabatan Perdana Menteri (JPM), petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di JPM dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

>> Muka 5

## Jaga kesihatan jasmani, rohani dalam Islam

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Jun. - Kesihatan merangkumi kesejahteraan menyeluruh dalam semua aspek kehidupan seseorang. Kesejahteraan menyeluruh ini mempunyai aspek yang telah dikenal pasti iaitu fizikal, intelektual, emosi, sosial, rohani, alam sekitar, kewangan dan vokasional. Semuanya berkait rapat antara satu sama lain dan haruslah seimbang secara keseluruhan supaya kita dapat meraih kesihatan dengan optimum.

Kesihatan juga adalah nikmat terbesar daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan tinggi nilainya di sisi Islam. Maka kita wajib dan diamanahkan menjaga kesihatan jasmani dan rohani kita.

Demikian antara perkara yang disampaikan melalui Perkongsian Ilmu bertajuk 'Kesihatan: Amalan dan Amanah' oleh Pegawai Perubatan, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr Muhammad Rieo Syafi'i bin Salor dari Pusat Belia, Bandar Seri Begawan (BSB) bagi acara Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-186.

>> Muka 4

## Pelantikan Pesuruhjaya Polis, Timbalan Pesuruhjaya Polis

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Jun. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi penetapan dan pelantikan pegawai-pegawai seperti berikut.

Pemangku Pesuruhjaya Polis, DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin, untuk ditetapkan dan dilantik dalam jawatannya sebagai Pesuruhjaya Polis dan Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris untuk ditetapkan dan dilantik dalam jawatannya sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis.

Tarikh penetapan dan pelantikan pegawai-pegawai berkenaan berkuat kuasa pada Khamis, 15 Zulhijah 1446 Hijrah bersamaan 12 Jun 2025 Masihi.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



TIMBALAN Mufti akan hadiri Seminar Pendidikan Fatwa Serantau Muka 6




449 pain darah berjaya dikumpulkan Muka 8



5 peserta mara ke peringkat akhir Pertandingan Pidato Kebangsaan Muka 11



RENCANA

GENERASI muda perlu pendedahan awal ilmu pengurusan jenazah Muka 19

# OKU punya hak untuk hidup bermaruah, ambil bahagian sepenuhnya dalam masyarakat



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad semasa berucap pada Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan Pertama Untuk Orang Kelainan Upaya pada Selasa 13 Zulhijah 1446 Hijrah / 10 Jun 2025 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan**

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**SATU** penghormatan bagi saya untuk berada di sini pada Persidangan Kebangsaan Pertama untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) di Negara Brunei Darussalam ini, satu detik bersejarah bukan sahaja untuk negara kita tetapi juga untuk komuniti kelainan upaya, suara, hak dan sumbangan mereka layak mendapat pengiktirafan dan dihargai. Hari ini, kita membuka lembaran baharu, di mana dialog memenuhi tindakan dan kemasukan bukan sahaja dijanjikan tetapi akan diteruskan.

Izinkan saya mulakan dengan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Kebajikan OKU, Majlis Belia Brunei dan rakan-rakan kongsi tempatan dan antarabangsa kita, yang telah menjayakan acara penting ini. Persidangan ini adalah gabungan semangat, kepakaran dan pengalaman hidup. Ia menghimpunkan penggubal dasar, peguam bela, pendidik, majikan dan yang paling penting, OKU sendiri, untuk membentuk masa depan yang tidak menyisihkan sesiapa pun.

Saya juga berbesar hati untuk mengetahui bahawa persidangan ini, akan menjadi satu lagi peristiwa penting dalam penganugerahan sulung, yang mengiktiraf Orang Cemerlang dengan Kelainan Upaya dan mereka yang berkhidmat. Anugerah ini lebih daripada anugerah; ia adalah menghargai kecemerlangan, ketabahan, dan perkhidmatan. Mereka menghormati individu yang bukan sahaja berjaya mengatasi halangan, malah menyumbang secara bermakna kepada masyarakat dan tempat kerja mereka dengan cemerlang dan berintegriti. Dengan menyerlahkan *role model* ini, kami berharap dapat memberi inspirasi kepada budaya kebangsaan yang mengiktiraf keupayaan sebelum ketidakupayaan dan perkhidmatan sebelum simpati. Jadikan anugerah ini sebagai peringatan bahawa OKU dan penyokong mereka bukan hanya peserta dalam masyarakat, mereka adalah penggeraknya.

Terlalu kerap dalam perbincangan global, orang kelainan upaya diperkatakan dari segi batas. Tetapi hari ini, di dewan ini, kami menolak naratif itu. Di sini, kami mengesahkan perkara yang kami ketahui bahawa setiap orang, tanpa mengira perbezaan fizikal, intelek, deria atau psikososialnya, mempunyai hak untuk hidup dengan bermaruah, mengejar peluang dan mengambil bahagian sepenuhnya dalam masyarakat.

Misi kami bukan amal. Ia adalah ekuiti. Peranan kami sebagai kerajaan, masyarakat sivil dan institusi adalah untuk menghapuskan halangan, yang boleh dilihat dan tidak kelihatan, yang menghalang kemasukan dan penyertaan penuh OKU.

Oleh itu, di samping mengetengahkan beberapa usaha Negara Brunei Darussalam untuk menyokong OKU, ingin saya jelaskan: ini bukan mengenai apa yang telah dilakukan, tetapi adalah mengenai tanggungjawab berterusan kita. Kemajuan bukanlah pengakhiran perjalanan, tetapi asas untuk tindakan yang lebih bercita-cita tinggi.

Kita mengambil langkah perlahan-lahan memasukkan hak orang kelainan upaya ke dalam undang-undang. Perintah OKU 2021 menyediakan rangka kerja undang-undang komprehensif yang mentakrifkan ketidakupayaan selaras dengan piawaian antarabangsa, mewajibkan Daftar Negara, dan yang paling penting, mewujudkan perlindungan terhadap pengabaian, penyalahgunaan dan diskriminasi.

Sehingga April 2025, seramai 2,724 individu telah didaftarkan dalam Daftar Kebangsaan OKU, satu langkah kritikal ke arah perancangan dasar yang lebih tepat dan data-bermaklumat.

Selaras dengan itu, pindaan kepada Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya telah menghapuskan syarat sekatan seperti klausa 'tidak dapat bekerja'. Ini bermakna OKU kini boleh menerima sokongan tanpa dinafikan hak untuk bekerja. Sehingga tahun ini, 7,016 individu menerima Elaun Hilang Upaya - 1,011 daripadanya turut menerima dua faedah di bawah Skim Pencen Umur Tua. Ini mencerminkan bukan sahaja anjakan dasar tetapi anjakan dalam cara kita melihat keupayaan bukan sebagai had tetapi spektrum.

Kita juga memperkenalkan Elaun Penyedia Penjagaan sebanyak BND250 sebulan sebagai mengiktiraf peranan penting, penjaga yang selalunya tidak diiktiraf, kebanyakannya terdiri dari ahli keluarga yang berkorban masa untuk menjaga setiap hari. Elaun ini bukan sekadar sokongan kewangan. Ia adalah pengakuan kasih sayang, ketabahan, dan perkhidmatan.

Pendidikan adalah asas pemerkasaan. Pada tahun 2023, kita melancarkan Rangka Kerja Pendidikan Khas, mengukuhkan komitmen, untuk memastikan pelajar berkeperluan khas mempunyai akses yang saksama kepada pengalaman pembelajaran yang berkualiti.

Rangka kerja ini dipandu oleh tiga perkataan: Access, Participate, Achieve yang disokong oleh 5As: Accessibility, Adapted Curriculum, Adapted Instruction, Adapted Assessment, and Acceptance. Ini bukan sahaja dasar, ia adalah prinsip yang memaklumkan pengajaran, pembangunan kurikulum dan persekitaran sekolah. Bagi mengukuhkan wawasan ini, Elaun Pendidikan Khas telah diperkenalkan pada tahun 2024 untuk institusi dan sekolah berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan.

>> Muka 11

## WAKTU SEMBAHYANG

| JUN MASIHI | HARI | ZULHIJAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16 | ISNIN | 19 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 09 | 6 . 33 | 12 . 22 | 3 . 48 | 6 . 33 | 7 . 49 |
| 17 | SELASA | 20 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 09 | 6 . 33 | 12 . 22 | 3 . 48 | 6 . 33 | 7 . 49 |
| 18 | RABU | 21 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 09 | 6 . 33 | 12 . 22 | 3 . 48 | 6 . 34 | 7 . 49 |
| 19 | KHAMIS | 22 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 09 | 6 . 34 | 12 . 23 | 3 . 49 | 6 . 34 | 7 . 50 |
| 20 | JUMAAT | 23 | 4 . 35 | 4 . 45 | 6 . 10 | 6 . 34 | 12 . 23 | 3 . 49 | 6 . 34 | 7 . 50 |
| 21 | SABTU | 24 | 4 . 35 | 4 . 45 | 6 . 10 | 6 . 34 | 12 . 23 | 3 . 49 | 6 . 34 | 7 . 50 |
| 22 | AHAD | 25 | 4 . 35 | 4 . 45 | 6 . 10 | 6 . 34 | 12 . 23 | 3 . 49 | 6 . 34 | 7 . 50 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 34 / 26 °C | 32 / 25 °C | 31 / 24 °C |
| Pekan Bangar | 31 / 26 °C | 30 / 25 °C | 29 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 / 26 °C | 30 / 25 °C | 30 / 25 °C |
| Kuala Belait | 32 / 26 °C | 30 / 25 °C | 30 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

16 JUN 2025

### Berikan harapan, dermakan darah awda

**MENDERMA** darah bukan sekadar satu kebajikan tetapi satu tanggungjawab sosial bagi memastikan kelangsungan hidup orang lain. Menderma darah melatih seseorang untuk menjadi lebih berperikemanusiaan dan pemurah, yang merupakan antara kebaikan derma darah kepada individu dan masyarakat. Sikap ini penting dalam masyarakat kerana ia membentuk individu yang lebih prihatin terhadap keperluan orang lain serta mewujudkan budaya tolong-menolong yang sihat.

Setiap 14 Jun merupakan tarikh bagi menyambut Hari Penderma Darah Sedunia atau World Blood Donor Day. Hari Penderma Darah Sedunia ini dikhususkan bagi mengucapkan terima kasih dan menzahirkan penghargaan kepada semua penderma darah secara sukarela menderma tanpa mengharapkan sebarang imbalan daripadanya. Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keperluan dan kepentingan menderma darah yang berterusan bagi menjamin bekalan darah dan produk-produk darah yang mencukupi, selamat dan berkualiti bagi kegunaan pesakit-pesakit yang memerlukannya. Justeru dengan adanya bekalan darah akan dapat menyelamatkan pesakit yang sangat memerlukannya dan setentunya harapan mereka untuk kembali pulih akan dapat dicapai.

Derma darah dapat menyelamatkan sekurang-kurangnya tiga nyawa. Ini kerana darah utuh yang diderma boleh diproses dan menghasilkan sel darah merah, platelet dan plasma. Pendermaan darah boleh merangsangkan badan untuk menghasilkan sel-sel darah yang baharu. Sel-sel darah baharu ini mempunyai lebih keupayaan untuk membawa oksigen ke seluruh badan. Justeru penderma darah akan berasa lebih sihat dan segar selepas menderma.

Aktiviti dan kempen pendermaan darah terus menjadi amalan yang berterusan yang jelas dapat kita saksikan di negara ini, yang mana kempen-kempen pendermaan darah yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan mahupun sektor swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) menyelaraskan kempen-kempen bergerak pendermaan darah di kesemua daerah. Pelaksanaan program murni ini sebagai salah satu usaha membantu Kementerian Kesihatan di negara kita dalam memastikan bekalan stok darah sentiasa berada di paras selamat.

Kita sangat bertuah kerana dalam setiap kempen menderma darah yang diadakan sering mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada orang ramai yang menunjukkan sikap prihatin bagi membantu menderma darah kepada mereka yang memerlukan.

Para belia di negara ini juga perlu sedar bahawa setiap titis darah yang didermakan berpotensi untuk menyelamatkan nyawa. Inilah masanya untuk kita semua terutama sekali para belia untuk sama-sama membantu di samping mengukuhkan Kementerian Kesihatan dan Pusat Pendermaan Darah khususnya ketika kita menghadapi isu kekurangan simpanan darah. Merekalah yang bakal meneruskan aktiviti sosial seperti ini untuk generasi akan datang agar bekalan darah tetap mencukupi untuk keperluan mereka yang memerlukan.

**- Ketua Penyuntingan (Ri).**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA
pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراغن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# 251 JEMAAH HAJI SELAMAT TIBA DI NBD

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman





**KETIBAAN jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) dialu-alukan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD (atas dan atas kanan).**

>> Muka 1

Ketibaan seramai 251 orang jemaah haji NBD dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah Al Buraithin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan Datin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri serta Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji dan Pegawai-pegawai Kanan KHEU.

Mengiringi jemaah haji bagi penerbangan ketiga ialah pegawai-pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan), Syarikat Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB), Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sendirian Berhad, dan Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sendirian Berhad.

Bagi memberkati kepulangan jemaah haji, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Awang Haji Fansuri Sharimi@ Mansur bin Mohamad Ali.





**SUASANA ketibaan jemaah haji NBD di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas dan kiri).**

# Jemaah haji penerbangan kedua selamat tiba

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BERAKAS,** Sabtu, 14 Jun. – Penerbangan kedua jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menggunakan Pesawat Diraja Brunei (RB) BI4224 selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) pada jam 4.59 petang tadi.

Jumlah keseluruhan jemaah haji termasuk para pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), Syarikat Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat Dar El-Ehsan Travel Sdn. Bhd. ialah seramai 251 orang.

Mengiringi jemaah haji bagi penerbangan kedua ialah pegawai-pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan) seramai tiga orang, DSSB seramai 85 orang, pegawai Syarikat Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd. seramai 120 orang dan pegawai Syarikat Dar El-Ehsan Travel Sdn. Bhd. seramai 43 orang.



Hadir mengalu-alukan ketibaan jemaah haji NBD di LTAB, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah Al Buraithin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan Datin; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Muhammad Fakhri bin Haji Mohd. Taib; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri serta Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan penolong-penolong pengarah KHEU.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam (NBD) mengalu-alukan ketibaan jemaah haji NBD (atas dan bawah kiri).**

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Awang Haji Fansuri Sharimi@Mansur bin Mohamad Ali.

# JAGA KESIHATAN JASMANI, ROHANI DALAM ISLAM



**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada Malam Munajat tersebut.**

>> Muka 1

Malam Munajat kali ini diserikan oleh peserta-peserta Perkhemahan Remaja ACE (A - Active and Admirable, C - Charismatic dan E - Excellent). Turut serta secara maya ialah ahli jawatankuasa takmir dan jemaah daripada beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara. Juga, warga kerja KHEU bersama keluarga serta individu yang turut hadir secara maya dari kediaman masing-masing.

Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang bersiaran dari Pusat Belia, BSB.

Ini diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pengajian Islam, (JPI) KHEU, Awang Haji Abd Razak bin Haji Mohd. Daud dari Pusat Belia.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran Ugama, juga dari JPI, KHEU, Awang Zamery bin Haji Nayan.

Sejurus selesai Perkongsian Ilmu, diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah oleh peserta-peserta Perkhemahan Remaja ACE dari Pusat Belia.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, JPI, KHEU, Awang Haji Mohd. Fadzillah bin Haji Kampong.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheu.*

# Program Perkhemahan Remaja ACE Husnul Khuluqi labuh tirai



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup yang berlangsung di Pusat Belia.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 15 Jun. - Program Perkhemahan Remaja ACE (A - Active and Admirable, C - Charismatic dan E - Excellent) Husnul Khuluqi 2025 melabuh tirai dengan penyampaian sijil kepada 40 peserta remaja daripada kalangan pelajar persekolahan Arab dan ugama hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup yang berlangsung di Pusat Belia di sini ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Pengiran Haji Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta pegawai-pegawai kanan di bawah ketiga-tiga kementerian tersebut.

Pegawai Pelajaran Kesihatan di Pusat Promosi Kesihatan (PPK) Kementerian Kesihatan, Dayang Nurul Adilah binti Mahmud yang juga selaku Pengerusi Bersama Perkhemahan Remaja ACE Husnul Khuluqi 2025 dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) golongan remaja ialah individu yang berumur di antara 10 hingga 19 tahun di mana fasa remaja ialah fasa perkembangan dan pertumbuhan dalam kehidupan di antara fasa kanak-kanak dan fasa dewasa.

Menurutnya, golongan remaja ini aset permulaan untuk kemajuan negara pada masa akan datang, walau bagaimanapun, golongan ini adalah dalam kalangan golongan yang terdedah kepada isu-isu yang berkaitan dengan kelakuan berisiko.

Merujuk data dari Jabatan Statistik, katanya, Kementerian Kesihatan, pada tahun 2021 di Negara Brunei Darussalam (NBD), lima punca tertinggi kematian dalam kalangan golongan ini adalah kanser, penyakit jantung, kemalangan jalan raya, 'septicaemia' dan penyakit hati.

Walau bagaimanapun jelasnya, beberapa data kesihatan di kebelakangan ini menunjukkan data yang membimbangkan keadaan kesihatan para remaja, terutama sekali faktor risiko yang berkaitan dengan kelakuan yang berisiko yang boleh membawa kepada masalah kesihatan.

"Berdasarkan hasil Kaji Selidik Global School-based Student Health Survey (GSHS) 2019, bagi pelajar berumur 13-17 tahun telah pun menunjukkan bahawa seramai 3.7 peratus pelajar telah pun meminum minuman yang beralkohol sekurang-kurangnya sekali sehari dan sebanyak 2.7 peratus telah pun mengalami mabuk teruk.

"Manakala dari segi berat badan, 35.6 peratus daripada mereka dikategorikan sebagai *overweight* dan 18.1 peratus dikategorikan sebagai obesiti. Dari segi kesihatan mental, sebanyak 19.9 peratus pelajar pernah berfikir untuk membunuh diri dan 12.2 peratus pernah mencuba untuk membunuh diri," ujarnya.

Dari segi kesihatan reproduktif jelasnya, sebanyak 5.7 peratus pelajar pernah melakukan hubungan kelamin dan dari segi penggunaan produk tembakau, 17.8 peratus telah pun menggunakan produk tembakau sekurang-kurangnya sekali sehari, manakala 9.8 peratus pelajar adalah perokok.

Oleh yang demikian, Dayang Nurul Adilah menekankan, demi menyahut objektif Wawasan Brunei 2035 dan The Convention on the Rights of the Child (perenggan 24) yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation), selaras dengan inisiatif di bawah Pelan Strategi Kementerian Kesihatan, PPK dengan Kerjasama Jabatan Pengajian Islam, KHEU dan disokong oleh Jabatan Belia dan Sukan, KKBS serta Majlis AIDS Brunei Darussalam mengungkayahkan Program Perkhemahan Remaja ACE Husnul Khuluqi 2025 selama empat hari mulai dari 12 Jun sehingga hari ini dengan pengisian-pengisian program yang memberikan informasi serta kesedaran kepada peserta-peserta di samping penerapan penghayatan hidup beragama ditekankan kepada para peserta.

"Alhamdulillah perkhemahan ini menyasarkan remaja berumur 12-15 tahun dengan objektif utama perkhemahan ini diadakan adalah membantu membentuk jati diri remaja dengan mengamalkan gaya hidup sihat serta menjauhi tingkah laku berisiko; di samping memberikan pendedahan kepada kepentingan kesihatan fizikal dan mental, serta nasihat teknik kemahiran hidup dalam mengelakkan diri daripada pengaruh negatif dalam kehidupan seharian," tambahnya.

Dengan adanya perkhemahan seperti ini, tambahnya lagi, ia akan dapat membantu mengurangkan kes-kes gejala sosial yang bukan sahaja melanda NBD akan tetapi seluruh dunia di samping para peserta dapat menjalankan tanggungjawab mereka untuk mendidik dan berkongsi maklumat sesama rakan sebaya mereka.

"Alhamdulillah, usaha sebegini yang mencerminkan pendekatan Whole of Nation adalah sangat dialu-alukan dan adalah diharapkan agar usaha sepertinya akan dapat dijalankan secara berterusan antara agensi-agensi berperanan yang lain dalam usaha membentuk masyarakat yang sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat.

"Atas kerjasama yang diberikan oleh pihak KHEU diucapkan berbanyak terima kasih dan semoga dengan usaha sama ini akan diberikan taufik dan inayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua dan sekali gus memelihara anak bangsa NBD daripada terpengaruh dengan budaya-budaya yang kurang sihat," ujarnya.

Program Perkhemahan Remaja ACE Husnul Khuluqi 2025 adalah satu inisiatif yang dirangka bagi mengasah potensi diri para peserta serta memupuk keyakinan melalui pembangunan kemahiran sosial, komunikasi dan kepimpinan.

Di samping itu, program ini turut menekankan kepentingan penjagaan kesihatan fizikal dan mental sebagai asas kepada kehidupan yang seimbang di mana melalui pelbagai aktiviti yang dirancang, para peserta juga diberikan pendedahan serta kemahiran hidup yang berguna bagi mempersiapkan diri dalam mendepani pelbagai cabaran kehidupan masa hadapan.

Program ini merupakan aktiviti di bawah ACE Youth Project kendalian PPK, Kementerian Kesihatan yang pertama kalinya diadakan pada tahun 2022 dan pada tahun ini, ia dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

Dengan adanya Program Perkhemahan Remaja ACE Husnul Khuluqi 2025 ini adalah diharapkan dapat membentuk peribadi remaja Muslim yang cemerlang di samping menanamkan jati diri remaja yang positif dengan gaya hidup sihat serta menjauhi tingkah laku berisiko dan gejala sosial.

# MEMPERKUKUH OBJEKTIF NEGARA MEMPELBAGAIKAN SEKTOR TENAGA

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**




**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat bersama menyaksikan Majlis Penandatanganan Perjanjian berkenaan.**

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan penandatanganan Joint-Venture Agreement oleh Lembaga Pengarah bagi Syarikat Khazanah Satu Sdn. Bhd., Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad; Pengerusi dan Pengarah Urusan Syarikat Serikandi Oilfield Services Sdn. Bhd., Shaikh Haji Khalid bin Shaikh Haji Ahmad, dan Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Strategi bagi pihak Syarikat Atlantic Blue Sdn. Bhd., Liew Chee Ing. Joint-Venture Agreement adalah untuk membentuk sebuah syarikat usaha sama bernama Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd.



Setiausaha Tetap (Tenaga) JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib menandatangani Land Lease Agreement bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam manakala Ketua Pegawai Eksekutif bagi Syarikat Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd., Ravi Bhaskaran menandatangani bagi pihak Syarikat Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd.

Power Purchase Agreement kemudiannya ditandatangani oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Elektrik, Ahmad Ridza bin Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman dan menandatangani bagi pihak Syarikat Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd. pula diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya.

**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Tenaga) JPM menyampaikan ucaptamanya (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.**

Dengan termeterainya perjanjian Power Purchase Agreement, Projek Solar Berskala 30 MW akan berlangsung selama 25 tahun.

Majlis menandatangani perjanjian-perjanjian itu disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Syarikat Seri Suria Power (B) Sdn. Bhd. merupakan syarikat usaha sama di antara Khazanah Satu Sdn. Bhd. (sebuah syarikat Government-Linked Company) dan Syarikat Serikandi Oilfield Services Sdn. Bhd. dengan kerjasama rakan kongsi antarabangsa (Atlantic Blue Sdn. Bhd., anak syarikat Solarvest Holdings Berhad, Malaysia).

Projek itu dijangka akan meningkatkan kapasiti tenaga boleh diperbaharui bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), ke arah mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus jumlah kapasiti terpasang daripada tenaga yang boleh diperbaharui menjelang tahun 2035.

Penandatanganan perjanjian ini menandakan satu pencapaian penting dalam sektor tenaga yang boleh diperbaharui di NBD yang merupakan satu projek solar terbesar yang diterajui oleh pihak kerajaan melalui kaedah Public-Private Partnership (PPP), yang mana menekankan kemajuan NBD ke arah mempelbagaikan campuran tenaga dengan menggunakan teknologi bersih yang mempunyai sumber karbon rendah dan merupakan bukti komitmen NBD terhadap dekarbonisasi.

Terdahulu, Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) JPM, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra dalam ucaptamanya menjelaskan bahawa pembinaan Loji Jana Kuasa Fotovoltaik Solar 30 MW ini dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2025.

Setelah siap jelasnya, projek ini dijangka mampu menjana tenaga tahunan yang boleh membekalkan elektrik kepada kira-kira 23,000 buah rumah, bersamaan dengan empat kargo LNG Kelas 'A' dan menyumbang kepada pengurangan sebanyak 670,000 tan karbon dioksida ($CO_2$) setara dalam tempoh 25 tahun.

Menurutnya, ini selaras dengan komitmen negara untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak 20 peratus berbanding paras Sedia Ada (Business-As-Usual, BAU) menjelang tahun 2030.

Tambahnya, ia juga mengukuhkan objektif NBD untuk mempelbagaikan sumber bahan api dalam sektor tenaga dan mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil. Beliau menambah, projek ini merupakan bukti nyata kesediaan NBD untuk menyokong projek tenaga suria berskala besar.



# 26 Pokok Ashoka ditanam sempena Hari Alam Sekitar Sedunia



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai dan seterusnya menanam Pokok Ashoka (atas dan kanan).**



**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 14 Jun. - Bagi meneruskan lagi Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2025, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan mengadakan Acara Walkaton dan Penanaman Pokok berlangsung di Riverfront Promenade, Jalan Residency, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid. Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa oleh Awang Muhammad Hafiy bin Noorsam diikuti dengan Taklimat Keselamatan.

Ia diteruskan dengan penanaman sebanyak 26 Pokok Ashoka (nama saintifik Polyalthia Longifolia) bagi mengindahkan lagi landskap sepanjang Jalan Residency. Acara berakhir dengan Aktiviti Walkaton sejauh 1.5km di sepanjang Riverfront Promenade, Sungai Brunei.

Turut hadir semasa acara tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan) Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub dan Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar.

Juga hadir, ketua - ketua jabatan, timbalan - timbalan dan penolong - penolong ketua jabatan, pegawai - pegawai kanan, pegawai - pegawai serta kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini, JASTRe juga menyusun beberapa program lain termasuk Hari Kitar Semula Senegara (Edisi Upcycling) yang akan diadakan pada 22 Jun 2025. Maklumat lanjut mengenai kempen dan acara ini boleh didapati di laman Instagram rasmi JASTRe *@jastre.bn.*

# TIMBALAN MUFTI AKAN HADIRI SEMINAR PENDIDIKAN FATWA SERANTAU

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 14 Jun. - Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin telah bertolak ke Johor, Malaysia hari ini bagi menyertai dan membentang kertas kerja di Seminar Pendidikan Fatwa Serantau anjuran Jabatan Mufti Johor dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Turut menyertai ke seminar berkenaan, Pegawai Istinbat Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Daud dan Pegawai Istinbat, JMK, Awang Abdul Hafiy bin Yahya.

Timbalan Mufti Kerajaan akan membentang kertas kerja yang bertajuk 'Pegangan Akidah Ahli Sunnah Waljamaah di Alam Nusantara : Pengalaman Negara Brunei Darussalam' pada seminar yang dijadualkan berlangsung pada 16 Jun 2025 nanti.

Seminar Pendidikan Fatwa berkenaan merupakan program siri tahunan JAKIM yang dianjurkan bersama Jabatan Mufti Negeri seluruh Malaysia.



**TIMBALAN Mufti Kerajaan bertolak ke Johor, Malaysia bagi menyertai dan membentang kertas kerja di Seminar Pendidikan Fatwa Serantau anjuran Jabatan Mufti Johor dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.**

# Pemenang Pertandingan Eja Jawi terima hadiah

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Jabatan Pendidikan Kokurikulum**



**PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, antara yang menyertai Peringkat Akhir Pertandingan Eja Jawi Sekolah-sekolah Rendah Senegara bagi Tahun 2025.**



**KATOK,** Sabtu, 14 Jun. - Peringkat Akhir Pertandingan Eja Jawi Sekolah-sekolah Rendah Senegara bagi Tahun 2025 diadakan di Dewan Auditorium 1, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, hari ini.

Pertandingan yang dibukakan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah kerajaan dan swasta senegara ini disertai oleh 18 orang pelajar, iaitu enam pelajar bagi setiap Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Bagi Kategori Tahun 3, johan pertandingan ialah Dayang Siti Nur Areana Marissa binti Abdul Azim dari Sekolah Rendah Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas diikuti dengan Awang Asher Dizhwarshah bin Erwanshah dari Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Mentiri dan tempat ketiga diraih oleh Dayang Hanim Ilyana binti Mahmud Fadhil dari Chung Ching Middle School.

Bagi Kategori Tahun 4 pula, johan pertandingan ialah Dayang Nurfitriyah Zufairah binti Ramli dari Sekolah Rendah Bengkurong diikuti dengan Dayang Nur Hannie Qurratu 'Ain binti Abu Bakar dari Sekolah Rendah Rendah Pusar Ulak di tempat kedua dan Dayang Maryam binti Abdul Mun'em dari Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd Yusof, Lorong 3, Seria di tempat ketiga.

Manakala bagi Kategori Tahun 5, johan pertandingan ialah Dayang Nur Rasyida Shafa binti Idris dari Sekolah St Andrew diikuti dengan Dayang Nur Hana Humaira binti Mohammad Mazhadizul dari Sekolah Rendah Bukit Panggal di tempat kedua dan Awang Mohammad Mikael Yusof bin Mohd Nurul Akmal dari Sekolah Rendah Awang Haji Mohamad Yusof, Katimahar di tempat ketiga.

Antara objektif pertandingan ini adalah untuk meningkatkan penguasaan dan kemahiran dalam bacaan jawi dalam kalangan pelajar sekolah rendah serta membudayakan literasi Jawi melalui pembacaan.

Pertandingan ini dianjurkan oleh Bahagian Kegiatan Kerohanian, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama DBP, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Radio Televisyen Brunei.






# Bengkel tingkatkan perkembangan diri, kerjasama, khidmat bakti

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**LAMBAK KANAN**, Ahad, 15 Jun. - Bengkel Kerja Berpasukan bagi Pasukan Sukarelawan Institusi Pendidikan (PSIP) memperlihatkan komitmen bersama terhadap perkembangan diri, kerjasama dan khidmat bakti.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee seterusnya menjelaskan, kerjasama antara pelajar dan guru adalah contoh yang begitu bermakna.

"Apabila kita berganding bahu sebagai rakan pembelajaran dan sukarelawan, kita membina sebuah komuniti yang saling menguatkan dan mengangkat antara satu sama lain," jelas Yang Berhormat semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Bengkel yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C), Kementerian Pendidikan.

Melalui modul bengkel yang merangkumi kerjasama berpasukan, pembentukan sahsiah, penyelesaian masalah dan nilai kemasyarakatan itu jelas Yang Berhormat, mereka bukan sahaja telah membina kemahiran insaniah tetapi juga jati diri dan matlamat yang lebih mendalam.

Menurut Yang Berhormat lagi, inilah asas-asas kepimpinan yang bukan sahaja penting di sekolah, tetapi juga dalam keluarga, tempat kerja dan masyarakat kita.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Guru Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Muhd. Fatin Abdul Rahman bin Haji Kifli.

Majlis diteruskan dengan ucapan motivasi oleh tetamu kehormat, diikuti dengan penyampaian hadiah dan sijil kepada para peserta bengkel.

Antara tujuan bengkel diadakan adalah untuk memupuk semangat kerjasama serta menjalin hubungan yang kukuh dan berterusan dalam kalangan ahli sesebuah pasukan.

Di samping itu, bengkel ini turut memberikan peluang kepada Ahli PSIP untuk mengongsikan pandangan mereka dalam pelaksanaan aktiviti berkenaan.

Bengkel yang dianjurkan oleh Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Majlis Belia Brunei (MBB) itu juga diharap akan dapat melahirkan masyarakat yang bersifat pemimpin.





**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa berucap pada bengkel berkenaan (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada bengkel tersebut.**




## PERLUASKAN MAKLUMAT ASEAN MELALUI JERAYAWARA KENALI ASEAN





**TAKLIMAT Kenali ASEAN yang diadakan di dewan sekolah berkenaan, disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail (atas), manakala gambar kanan, sesi bergambar ramai pada Jerayawara Kenali ASEAN. Sementara gambar bawah dan bawah kanan, antara pelajar yang hadir pada jerayawara yang antara lain menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN.**

**Oleh : Rohani Haji Abd Hamid**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TEMBURONG,** Sabtu, 14 Jun. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada para pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Sekolah Arab Temburong, hari ini.

Juga hadir pada taklimat berkenaan, Penolong Guru Besar (Pegawai Pendidikan Ugama), Dayang Hashidah binti Haji Awan dan tenaga-tenaga pengajar sekolah berkenaan.




Taklimat Kenali ASEAN yang diadakan di dewan sekolah berkenaan, disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada seramai 58 pelajar Tahun 5, 6 dan Tahun 7.

Taklimat juga antara lain untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Pegawai Pendidikan sekolah berkenaan, Dayang Hajah Arni binti Haji Besar.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga merupakan usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Dalam masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.



# 449 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPULKAN




**AWANG Nabil Safwan bin Suhaili, dengan jumlah pendermaan sebanyak 18 unit menerima Anugerah Penderma Darah Teratas Dalam Kalangan Belia berusia antara 17 hingga 25 tahun (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir menderma darah.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS,** Sabtu, 14 Jun. - Kempen Derma Darah secara besar-besaran bersempena Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2025 yang diadakan selama dua hari pada 12 Jun dan hari ini berjaya mengumpul sebanyak 449 pain darah.

Kempen yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan di sini mencatatkan hari pertama berjaya mengutip 194 pain darah manakala 255 dikutip pada hari kedua.

Pada tahun ini, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Imagine Sendirian Berhad telah mengungkayahkan Kempen Derma Darah secara besar-besaran bersempena Hari Penderma Darah Sedunia 2025.

Acara sambutan kali ini, Kementerian Kesihatan telah mengiktiraf 10 orang penderma darah teratas di dalam dua kategori iaitu lima orang penderma darah teratas secara keseluruhan dan lima orang penderma darah teratas dalam kalangan belia berusia antara 17 hingga 25 tahun bagi menghargai jasa baik mereka yang telah banyak membantu dan menyokong bekalan darah di negara ini secara konsisten dan bagi menggalakkan golongan belia muda untuk terus menderma darah secara aktif.

Dengan jumlah pendermaan sebanyak 208 pain darah, Awang Haji Moksin bin Haji Karim telah menerima Anugerah Penderma Darah Teratas Secara Keseluruhan manakala Awang Nabil Safwan bin Suhaili, dengan jumlah pendermaan sebanyak 18 pain darah, telah menerima Anugerah Penderma Darah Teratas Dalam Kalangan Belia berusia antara 17 hingga 25 tahun.

Para penerima telah menerima hadiah penghargaan berupa Samsung Galaxy A9 Tab tajaan Imagine Sdn. Bhd. dan barangan sumbangan daripada penaja-penaja yang terlibat.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Pengarah Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Nor Azian binti Haji Hafneh serta Pengarah dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Imagine Sendirian Berhad, Allen On Hsien Yung.

Bersempena Hari Penderma Darah Sedunia 2025 ini, Kementerian Kesihatan menyeru semua penderma darah untuk terus menderma darah dan individu yang belum pernah menderma darah untuk mula menyertai usaha mulia ini demi memastikan bekalan darah yang mampan.

Acara sambutan juga menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada penaja-penaja dan rakan-rakan kerjasama yang telah sama-sama berusaha dalam mengungkayahkan sambutan Hari Penderma Darah Sedunia tahun ini.

Hadir menerima sijil penghargaan tersebut adalah wakil-wakil daripada JAB Gym, Hua Ho Department Store, Entrek (B) Sdn. Bhd. (Jollibee), AIA, Takaful Brunei Keluarga Sdn. Bhd., Sabre Travel Network Brunei, Incomm Sdn. Bhd., QAF Prestige Sdn. Bhd., PAR Food & Beverage Sdn. Bhd. (CBTL), Darussalam Services Sdn. Bhd., Tabung Amanah Pekerja (TAP), Borneo Genomics Innovation, Haemotology Unit dan Traphy.

Kementerian Kesihatan dan Imagine Sendirian Berhad turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang memainkan peranan dalam menjayakan kempen ini.

Sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat, Imagine telah menyasarkan untuk mengumpulkan sebanyak 1,500 pain darah sepanjang tahun 2025, menerusi siri kempen dan kolaborasi strategik bersama rakan-rakan dari sektor awam dan swasta. Komitmen tersebut mencerminkan sokongan berterusan Imagine terhadap penjagaan kesihatan dan kesejahteraan komuniti negara.

Orang ramai bolehlah mengikuti laman akaun sosial rasmi iaitu Facebook : *bloodbankripas.brunei* atau Instagram *@bloodbank_ripas* untuk mengetahui maklumat terkini mengenai aktiviti-aktiviti Pusat Pendermaan Darah.

Bagi mendapatkan slot perjanjian menderma darah di Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, orang ramai bolehlah menempah slot melalui aplikasi Bloodkad atau menghubungi pusat ini menerusi talian +673 2242424 sambungan 5745 / 6001 atau +673 7440267 / +673 7440277 (Hotline/WhatsApp).

Objektif kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat, terutamanya golongan belia muda, akan kepentingan keperluan menderma darah dan kepentingan darah dan produk darah itu sendiri bagi pesakit-pesakit yang memerlukan pemindahan darah.

Di samping itu, kempen ini diharap akan dapat memberikan galakan kepada golongan belia muda untuk mula menderma darah dan seterusnya memberikan motivasi kepada penderma darah yang baru untuk menderma darah secara aktif demi memastikan bekalan darah yang mencukupi dan mampan.

Melalui kempen ini juga, sokongan berterusan daripada agensi-agensi kerajaan dan rakan-rakan kongsi di sektor swasta mahupun badan-badan bukan kerajaan akan dapat diperkukuhkan ke arah program darah kebangsaan yang mampan bagi mencapai akses universal kepada darah yang selamat dan berkualiti.

Slogan 'Give Blood, Give Hope : Together We Save Lives' atau 'Derma Darah, Beri Harapan : Bersama Kita Membantu Menyelamatkan Nyawa', kempen pada tahun ini mengetengahkan impak sumbangan penderma darah yang membawa perbezaan yang besar dan memberikan anugerah kehidupan dengan membawa harapan baharu kepada golongan yang memerlukan.

Selain meraikan aktiviti kemanusiaan dalam meningkatkan ukhuwah dan impak perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, kempen ini juga bertujuan untuk memberi inspirasi dengan mengetengahkan kisah individu yang telah diselamatkan melalui pemindahan darah dan pengalaman peribadi daripada para penderma sendiri.

Untuk kemas kini mengenai program CSR dan kempen akan datang Syarikat Imagine Sdn. Bhd., sila lawati *www.imagine.com.bn* atau ikuti kami di media sosial melalui *@imagine.bn.*

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Acting General Manager, Legal and Regulatory Division, Imagine Sdn. Bhd., Dayang Adibah Mateen menerusi talian +673 232 2934 atau melalui e-mel di alamat *adibah.m@imagine.com.bn.*



# 1 lagi syarikat dibenarkan kendali Pakej Umrah

| BIL | NAMA SYARIKAT | TEMPOH KEBENARAN | PAKEJ HAJI | PAKEJ UMRAH [ VISA UMRAH ] | PAKEJ UMRAH [ VISA PELANCONG ARAB SAUDI ] |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | DARUSSALAM SERVICES SDN. BHD. | 3 TAHUN [ 1446 HIJRAH HINGGA 1448 HIJRAH ] | ✓ | ✓ | ✓ |
| 2 | STRAITS CENTRAL AGENCIES (B) SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 3 | CONTINENTAL YACHTING SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 4 | RAUDAH AL-AMIN SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 5 | TITIAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 6 | AT-TAQWA TRAVEL TOURS SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 7 | DAR EL EHSAN TRAVEL SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 8 | AL-HIJRAH TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 9 | BALURIH TRAVEL SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 10 | AS-SAFA TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✓ | ✓ | ✓ |
| 11 | AL ABRAJ TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | 1 TAHUN [ 2025 MASIHI ] | ✗ | ✗ | ✓ |
| 12 | ALEIA VOYAGES SDN. BHD | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 13 | AL-HAJAT TOURS & TRAVELS AGENCY SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 14 | AL-HARAMAIN BIL IMAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 15 | AL-MIQAT TRAVEL & TOURS SDN. BHD | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 16 | FIRDAUS AL-MUNAWWARAH TRAVEL SERVICES SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 17 | GHUFRAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 18 | HAYYA TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 19 | HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 20 | HURRIYAH TRAVEL SERVICES SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 21 | IJTIHAD TRAVEL SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 22 | LAMISA INTERNATIONAL TOURS & TRAVELS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 23 | MADULI AGENCY TRAVEL SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 24 | MUSTAQIM TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 25 | AZ-ZAIN TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 26 | AZ BACK TO NATURE TRAVEL SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 27 | EL-ABQARI TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 28 | HUMZAIK TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 29 | SIMPLY UMRAH (B) TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 30 | JB TRAVEL AGENCIES SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 31 | PGGMB TRAVEL SERVICE SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 32 | AL-HAMBRA TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 33 | AN-NUR AL-KHAYR TRAVEL & TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 34 | IKHLAS GLOBAL TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 35 | AL KHEIRA TRAVEL AND TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |
| 36 | HAFIZ BRU TRAVEL AND TOURS SDN. BHD. | | ✗ | ✗ | ✓ |

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji sukacita memaklumkan bahawa satu lagi agensi pelancongan diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan pakej umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2025 Masihi, iaitu Syarikat Hafiz Bru Travel And Tours Sdn. Bhd.

Dengan kebenaran berkenaan, pada masa ini sebanyak 36 buah agensi pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi tahun 2025.

Syarikat-syarikat berkenaan ialah Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA), Continental Yachting Sdn. Bhd., Raudah Al-Amin Sdn. Bhd. (RAA), Titian Travel and Tours Sdn. Bhd., At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd., Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd. (DEE), Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd. (AHTTSB), Balurih Travel Sdn. Bhd., As-Safa Travel and Tours Sdn. Bhd., Al-Abraj Travel and Tours Sdn. Bhd., Aleiya Voyages Sdn. Bhd., Al-Hajat Tours and Travels Agency Sdn. Bhd., Al-Haramain Bil Iman Travel and Tours Sdn. Bhd., Al-Miqat Travel and Tours Sdn. Bhd., Firdaus Al-Munawwarah Travel Services Sdn. Bhd., Ghufran Travel and Tours Sdn. Bhd., Hayya Travel and Tours Sdn. Bhd., Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd., Hurriyah Travel Services Sdn. Bhd., Ijtihad Travel Sdn. Bhd., Lamisa International Tours and Travels Sdn. Bhd., Maduli Agency Travel Sdn. Bhd., Mustaqim Travel and Tours Sdn. Bhd., Az-Zain Travel and Tours Sdn. Bhd., Az Back To Nature Travel Sdn. Bhd., El-Abqari Travel and Tours Sdn. Bhd., Humzaik Travel and Tours Sdn. Bhd., Simply Umrah (B) Travel and Tours Sdn. Bhd., JB Travel Agencies Sdn. Bhd., PGGMB Travel Service Sdn. Bhd., Al-Hambra Travel And Tours Sdn. Bhd., An-Nur Al-Khayr Travel and Tours Sdn. Bhd., Ikhlas Global Tours Sdn. Bhd., Al Kheira Travel and Tours Sdn. Bhd., dan Hafiz Bru Travel and Tours Sdn. Bhd.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat umrah bolehlah mengikuti dan berhubung terus dengan agensi-agensi pelancongan yang dibenarkan berkenaan.

# MEMPERKUKUH NILAI MURNI, SEMANGAT CINTAKAN TANAH AIR



**PEMANGKU Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin hadir selaku tetamu kehormat majlis.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUTONG**, Sabtu, 14 Jun. - Seramai 166 penuntut Tahun 9 dan Tahun 10 dari Ma'had Islam Brunei pagi tadi menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik dan Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu patriotik 'Bendera Negara' serta diberkati dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pengetua Ma'had Islam Brunei, Tutong, Dayang Sarimah binti Haji Ahmad dalam ucapannya antara lain menyatakan bahawa penyertaan dalam program berkenaan merupakan satu peluang yang bermanfaat, khususnya dalam usaha memperkukuh nilai-nilai murni dan semangat cintakan tanah air dalam kalangan para pelajar.

Semoga pelaksanaan program berkenaan katanya, sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada pembentukan sahsiah pelajar yang positif demi kebaikan bersama agama, bangsa dan negara.

Taklimat Kenegaraan bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan NBD' disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Mohammad Azyzul Azman@Rosman bin Yakub.

Kandungan taklimat antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaikkibarkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan NBD.

Video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera' terbitan Jabatan Penerangan turut ditayangkan bagi meningkatkan lagi kefahaman penuntut mengenai taklimat yang disampaikan.

Program RRP turut diserikan dengan pelbagai persembahan seperti nyanyian, syair, pidato, lakonan, sketsa serta lawak jenaka yang dipersembahkan oleh para penuntut Ma'had Islam Brunei dan artis-artis undangan.

Persembahan lakonan bertajuk 'Suara yang Dibisukan' oleh para penuntut Ma'had Islam Brunei mengetengahkan tentang peranan semua pihak termasuk ibu bapa dalam membendung kegiatan buli.

Manakala sketsa bertajuk 'Di Sebalik Tirai' oleh Kumpulan Pento Z pula membawa mesej mengenai tanggungjawab sosial seperti menyuarakan dan melapor kes-kes buli di sekolah supaya ia tidak berpanjangan dan mengganggu kesihatan mental, serta menjaga batas pergaulan dalam kalangan penuntut.

Persembahan lawak jenaka daripada Kumpulan CAPDI turut memeriahkan suasana dengan mesej-mesej kesedaran antaranya tentang pengurusan masa sebagai seorang penuntut dan isu-isu sosial serta trend terkini dalam kalangan remaja.

Kuiz Kenegaraan turut diadakan bagi menguji kefahaman penuntut yang hadir tentang taklimat yang disampaikan di awal program. Penyampaian cenderamata kepada pemenang kuiz disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Program yang diadakan dengan kerjasama Ma'had Islam Brunei, Tutong berkenaan antara lain bertujuan untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa, menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Selain itu, program berkenaan juga dihasratkan dapat memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif.

Dalam masa yang sama, ia juga untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin.

Juga hadir, pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, guru-guru kanan sekolah serta tenaga-tenaga pengajar.




**PEMANGKU Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam menyampaikan cenderamata kepada pemenang kuiz (atas), manakala gambar bawah dan bawah kiri, sekitar Program Rakan Remaja Penerangan yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan.**









# مڠاول ماره دڠن كصبرن

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كقدنْ. سسڠڬوهنْ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ، براوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

كيت هيدوڤ ددنيا اين تيدق اكن ڤرنه ترلڤس دري منريما أوجين دان دوݢأن درڤد الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ سام اد بربنتوق كسنڠن اتاوڤون كسوسهن. اد كلانْ أوجين دان دوݢأن يڠ دبريكن ايت ممبوات كيت براس ݢمبيرا دان اد كلانْ ڤولا ممبوات كيت براس ماره دان سوسه هاتي.

سباݢاي أومت إسلام، دالم مڠهادڤي أوجين دان دوݢأن ترسبوت، كيت هندقله سنتياس مڠعمالكن صفة صبر دان جوبا سدايا اوڤاي اونتوق مڠاول كمارهن. اين كران ماره ايت اداله صفة يڠ ساڠت بوروق دان دجلا. دالم القرآن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ مموجي اورڠ-اورڠ يڠ صبر دڠن فرمانن دالم سورة الشورى أية ٤٣ :

تفسيرنْ:

**دان اورڠ يڠ برصبر سرتا ممعافكن (كسالهن اورڠ لاين ترهادڤن)، سسوڠڬوهن يڠ دمكين ايت اداله درڤد ڤركارا-ڤركارا يڠ ساڠت أوتام اونتوق دلقسانكن (دݢالقكن اوليه شريعة).**

سسوڠڬوهن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ منجيڤتاكن صفة ماره ايت دري أڤي دان منجاديكنْ سباݢاي ساله ساتو طبيعة اتاوڤون ڤراڠاي باݢي مأنسي. رسول الله صَلَّىٰ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اد ميبوتكن دالم حديث بݢيندا بهاوا اورڠ يڠ داڤت مناهن ديري درڤد ماره ايت اداله اورڠ يڠ قوات. دالم ارتي كات لاين، مريك يڠ داڤت مڠاول كمارهن اداله تندا كماتڠن روحاني دان اخلاق. درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّىٰ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرَعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ.**

**مقصودنْ:**

**بوكنله اورڠ يڠ قوات ايت دنيلاي دڠن كقواتن دالم ڤركلوتن، سسوڠڬوهن اورڠ يڠ قوات اياله اورڠ يڠ داڤت مڠواساٴي ديرين كتيك ماره. {حديث رواية إمام بخاري}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

ادڤون انتارا ڤونچا-ڤونچا يڠ ميببكن صفة ماره ايت ترجادي، انتارانْ اياله:

**ڤرتام:** اداڽ صفة عُجوب، رياء دان تكبور دالم ديري سسأورڠ يڠ مراساكن بهاوا ديرين ايت لبيه هيبت درڤد اورڠ لاين.

**كدوا:** برتڠكر اتاو برباله كران سسواتو ڤركارا يڠ كادڠ-كادڠ ڤونچانْ اداله كچيل دان ريميه-تيميه ساج.

**كتيك:** براس دظاليمي، دخياني، دڤركچيلكن دان سأومقامانْ.

**كأمڤت:** بركوراو يڠ ملمڤاوي حد دان باتسن. بركوراو يڠ ڤد أولن دڠن ڤركاتأن تاڤ أخيرنْ ممباوا كڤد مماكي هامون، منجاجي، منجلا، مموكول دان سأومقامانْ.

**كليم:** ليده يڠ تيدق دكاول دڠن بايك سهيڠڬ مڠلواركن كات-كات يڠ ميڠڬوڠ ڤراسأن اورڠ لاين دان بوليه منيمبولكن كمارهن.

تيدق دنافيكن بهاوا دالم ستياڤ ديري مأنسي ايت ڤستي اد صفة ماره، نامون كمارهن ايت ڤرلوله دكاول دان اد باتسنن. اين كران ماره يڠ برلبيهن ميببكن سوكر انتوق مڠاول ايموسي، تيدق ممڤو برفيكير دڠن بإيك دان ميببكن برتيندق دلوار باتسن يڠ تنڤا دسداري كلاكوان سدميكين بوليه مموتوسكن هوبوڠن ڤرسودارأن، ڤرصحبتن جيران تتڠݢا، راكن كرج دان صحابة هنداي.

ايڠتله، ڤرݢادوهن، ككانسن رومهتڠݢا، ڤندرأن كانق-كانق، ڤرتليڠكاهن انتارا ڤڠݢونا جالنراي، ڤرباله‌ن سوامي استري يڠ ممباوا ڤرجراين اداله بنتوق٢ كتلنجورن كات دان ڤربواتن يڠ سبهاݢينن اداله دڤڠاروهي اوله نفسو ماره يڠ تيدق دكاول.

كيت ڤرلو ميداري بهوا شيطان سنتياس ممڤڠاروهي ڤريلاكو مأنسي سڤنجڠ ماس سڤرتمان مقصود حديث باݢيندا صَلَّىٰ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يڠ درواياتكن اوله امام مسلم:

**"سسوڠڬوهن شيطان ميوسوف دالم ديري مأنسي ملالوي اليران داره."**

جماعه يڠ درحمتي الله،

سسوڠڬوهنْ ڤباكيت ماره ايت بوليه دكاول دان دجڬه دڠن دوا ڤركارا يإيت علمو دان عمل. ادڤون مڠاول دان منجڬه ماره دڠن علمو ايت اد أنم جارا:

**ڤرتام:** دڠن برتَفكُر مميكيركن قيصه-قيصه تلدان يڠ ميبوت تنتڠ بوروق بايكنْ برصفة ماره، برفيكير تنتڠ كأوتامأن مناهن كمارهن، مبري معاف دان برلمه لمبوت.

**كدوا:** سنتياس إيڠت كڤد سيقسا الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دان ڤرچاي بهاوا ككواسأن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ كأتس ديرينْ لبيه بسر دري ككواسأن ديرينْ كأتس اورڠ لاين.

**كتيك:** سنتياس مڠايڠتكن ديرينْ بهاوا ماره اكن مڠعقيبتكن برلاكونْ ڤرموسوهن دان دندم.

**كأمڤت:** برفيكير تنتڠ بنتوق بوروق ديرينْ كتيك دي ماره دان برفيكير تنتڠ بتاڤ كجينْ صفة ماره ايت.

**كليم:** دڠن برفيكير تنتڠ سبب يڠ ممباوانْ كڤد كمارهن.

**كأنم:** دڠن ميدري بهاوا كمارهننْ اداله برڤونچا دري سيكڤ ممبڠݢاكن ديري سنديري يڠ تيدق سسواي دڠن كهندق الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ.

سمنتارا ايت مڠاول دان منجڬه دڠن عمل ڤربواتن ڤولا اياله دڠن ممباچ تَعَوُّذ:

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

**أرتينْ :اكو برليندوڠ كڤد الله درڤد شيطان يڠ درجم.**

سكيرانْ كمارهن ايت تيدق هيلڠ دڠن ممباچ يڠ دمكين، مك هندقله سسأورڠ ايت دودوق جك دي ماره دالم كادأن برديري، دان برباريڠ جك دي ماره دالم كادأن سداڠ دودوق دان منديامكن ديري. تڠݢكنله ديري دڠن تيدق بركات٢، مناريك نافس ڤنجڠ دان جوبا برفيكير سچارا راشيونل، براستغفار دان مڠمبيل وضوء باݢي مرداكن ماره. اين سلارس دڠن سبدا رسول الله صَلَّىٰ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يڠ درواياتكن اوله امام ابو داود، مقصودنْ:

**"سسوڠڬوهن ماره ايت درڤد شيطان. دان شيطان دجيڤتاكن درڤد اڤي. دان اڤي ايت دڤادمكن دڠن اير. جك ساله سأورڠ درڤد كامو ماره، هندقله دي بروضوء."**

دالم حديث يڠ لاين، درڤد إبن عباس رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، رسول الله صَلَّىٰ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **عَلِّمُوا، وَيَسِّرُوا، وَلَا تُعَسِّرُوا، وَإِذَا غَضِبْتَ فَاسْكُتْ، وَإِذَا غَضِبْتَ فَاسْكُتْ، وَإِذَا غَضِبْتَ فَاسْكُتْ.**

**مقصودنْ:**

**اجركنله ڤد اورڠ لاين، ڤرمودهكنله، جاڠن ممڤرسوليت مسئله، اڤبيل أڠكاو ماره، مك ديامله، بيلا أڠكاو ماره، مك ديامله، بيلا أڠكاو ماره، مك ديامله. {حديث رواية إمام أحمد}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

ڤراسأن ماره اداله صفة سمولا جادي مأنسي. اكن تتاڤي سباݢاي مأنسي يڠ دكورنياكن عقل دان جوك فيكيرن، اسلام مڠهندقي كيت اݢر منجاديكن علمو دان ايمان سباݢي ڤندوان دالم مڠاول كمارهن ترسبوت اݢر تيدق مروسقكن ديري دان مرواه سنديري. اوليه ايت، كيت هندقله سنتياس مڠعمالكن صفة صبر دان ممڤربايقكن ذِكْرُ الله اݢر هاتي كيت منجادي تنڠ دان تابه.

إيڠتله، بهاوا كيت هيدوڤ ددنيا اين دالم كادأن بركلوارݢ، برمشاركت دان برنݢارا. هوبوڠن ترسبوت هندقله دإيكت دڠن مَحَبّه دان كاسيه سايڠ اݢر كيت سموا داڤت هيدوڤ دڠن هرموني، داماي دان برساتو ڤادو. دسمڤيڠ ايت ماره يڠ ملمڤاو دان تيدق دكاول اكن توروت منججسكن مينتل دان فيزيكل. مك اوتامكنله صفة صبر دان برتنڠ دالم اڤ جوا كأدأن دمي كسجهترأن هيدوڤ. أخيرنْ سام-سامله كيت بردعاء سموك الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ مڠورنياكن رحمة دان كاسيه سايڠن كڤد كيت سموا. آمين يا ربَّ العالمين.

تفسيرنْ:

**دان برسكراله كامو (مڠرجاكن عمل كباجيقن اونتوق ممباوا كامو) كڤد كأمڤونن درڤد توهن كامو دان كشرݢ يڠ لواسن سلواس لاڠيت دان بومي يڠ دسدياكن اونتوق اورڠ-اورڠ يڠ برتقوى. (يإيت) اورڠ-اورڠ يڠ ممبلنجاكن (هرتانْ) ڤد ماس سنڠ دان سوسه دان اورڠ-اورڠ يڠ مناهن كمارهننْ سرتا ممعافكن (كسالهن) اورڠ. دان الله مڠاسيهي اورڠ-اورڠ يڠ بربوات كبايكن. { سورة آل عمران أية: ١٣٣-١٣٤}**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# 5 PESERTA MARA KE PERINGKAT AKHIR PERTANDINGAN PIDATO KEBANGSAAN

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Jun. - Seramai 17 peserta menyertai Pertandingan Pidato Kebangsaan Brunei Darussalam sempena Sambutan Bulan Bahasa 2025 yang berlangsung di Balai Sarmayuda Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas, di sini, dan juga siaran secara langsung melalui penstriman Facebook DBP.

Terdahulu itu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan serta Negara Brunei Darussalam.

Acara kemudian diteruskan dengan ucapan yang disampaikan oleh Pegawai Bahasa DBP, Dayang Masni binti Moktal yang antara lain menjelaskan, Pertandingan Pidato Kebangsaan yang diadakan saban tahun berkenaan telah memasuki siri keenam yang mula diadakan sejak 2019, iaitu secara fizikal dan juga pernah diadakan secara maya kerana perlu beradaptasi dengan situasi COVID-19 ketika itu.

Berucap selaku Penolong Setiausaha pertandingan, Dayang Masni seterusnya menambah, umum mengetahui bahawa pidato ialah seni pengucapan awam yang tidak kurang pentingnya dalam kehidupan dan lapangan kerja sehari-hari.

Pidato katanya, mempunyai pelbagai cara penyampaian, sama ada dipersembahkan secara informatif, persuasif bagi meyakinkan audiens dan juga argumentatif, iaitu mengemukakan pendapat yang disertai dengan fakta sebagai sokongan hujah atau tajuk pembicaraan.

Aspek berkenaan tekannya, yang ingin dilihat dalam pertandingan ini, dan secara tersirat, banyak kemahiran yang boleh diperoleh daripada berpidato, antaranya ialah kemahiran mengujarkan pendapat di hadapan khalayak, membina karisma dan daya tarik berbicara atau berkomunikasi secara berkesan, memiliki pengetahuan yang meluas kerana seorang pemidato perlu membuat kajian tentang bahan atau topik pembicaraan.

"Kemahiran-kemahiran ini berguna sebagai persediaan untuk melangkah ke alam pekerjaan, kerana saya percaya, pada masa ini apa pun bidang kerja yang diterokai, menuntut seseorang itu mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dan efektif untuk lebih maju dalam mendepani apa jua cabaran bidang pekerjaan dan juga sebagai pemimpin serta generasi penerus pada masa akan datang.

"Tahun demi tahun sebetulnya para pemidato yang terlahir dari pertandingan ini telah banyak menyumbangkan keintelektualan dan kemahiran mereka mengharumkan reputasi negara sehingga ke peringkat antarabangsa dan serantau serta pernah beberapa kali mengikuti acara yang bersifat kenegaraan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Inilah objektif dan dapatan yang dikehendaki, iaitu mencungkil bakat-bakat baharu melalui seni pengucapan awam, di samping bermatlamat bagi memperkasa penggunaan bahasa Melayu yang akhir-akhir ini semakin terpinggir dan perlu dimartabatkan sebagai bahasa pengungkap ilmu dan identiti bangsa Melayu yang perlu disantuni," ujarnya lagi.

Pada peringkat saringan berkenaan, seramai sembilan peserta bertanding di sebelah pagi, manakala lapan lagi peserta bertanding di sebelah petang. Para peserta yang bertanding terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi dari universiti serta kolej di NBD, termasuk Institut Pengajian Tinggi, sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan persendirian.

Seramai lima peserta telah terpilih untuk bertanding ke peringkat akhir yang terdiri daripada Dayang Muslimah binti Mahadi (peserta persendirian), Dayang Syafiqah Mumtazah binti Haji Mohd. Arriffien (Universiti Brunei Darussalam - UBD), Dayang Nur Ainul Hayati binti Ratna (Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah - STAHB), Dayang Nuraqilah binti Mardi (Universiti Islam Sultan Sharif Ali - UNISSA) dan Awang Anang Muhammad Fathur'rahman bin Anang Abdul Rahman (Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah - SASHHB).

Pertandingan berkenaan dibukakan kepada belia warganegara dan penduduk tetap NBD yang berumur antara 15 hingga 35 tahun.



**PEGAWAI Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Masni binti Moktal semasa menyampaikan ucapan.**

Pemenang tempat pertama akan menerima wang tunai sebanyak BND800, piala pusingan, piala, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP, manakala pemenang tempat kedua pula akan menerima wang tunai BND600, plak, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP; sementara pemenang tempat ketiga akan menerima wang tunai BND400, plak, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP. Bagi penerima sagu hati tempat keempat dan kelima, masing-masing akan menerima plak, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP.

Antara objektif pertandingan adalah bagi menyemarakkan dan menggemakan Sambutan Bulan Bahasa 2025, mengetengahkan peserta tempatan hingga peringkat antarabangsa dan luar negara, meluaskan dan memantapkan pengetahuan, penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu standard yang betul dan tepat; membina keyakinan diri dan kemahiran komunikasi untuk mampu berucap di hadapan khalayak ramai, menggalakkan remaja dan belia untuk berfikir, mengolah idea dan mengemukakan pendapat secara positif, dan meluaskan pengetahuan am serta isu-isu semasa dalam dan luar negara.

Peserta pidato juga diberi kebenaran dan kebebasan untuk menyediakan tajuk pidato yang bersesuaian dengan isu terkini atau semasa yang signifikan dengan, sama ada perkembangan bahasa Melayu, perkembangan Kecerdasan Buatan (AI), pembangunan ekonomi, masa depan belia, pembangunan kapasiti, dan budaya, asalkan tidak menyentuh sensitiviti yang berkaitan dengan bangsa, ras, mempolemikkan agama, politik, ketatanegaraan, kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang.










**SEKITAR Pertandingan Pidato Kebangsaan Brunei Darussalam sempena Sambutan Bulan Bahasa 2025 yang berlangsung di Balai Sarmayuda DBP, Berakas dan juga siaran secara langsung melalui penstriman Facebook DBP (kiri, kanan dan kanan sekali).**

## HALUAN

>> Muka 2

Buat pertama kalinya, kami turut mengadakan Pameran dan Forum Sumber Keperluan Khas dan inisiatif bersama Kementerian Pendidikan dan IMPIAN. Ia berfungsi sebagai platform sumber sehenti untuk ibu bapa dan penjaga, meliputi laluan pendidikan, latihan kemahiran dan perkhidmatan sokongan di bawah Akta Pendidikan Wajib.

Selanjutnya, biasiswa kini terbuka kepada orang kelainan upaya, termasuk dalam bidang khusus seperti Tahfiz. Peluang-peluang ini memastikan bahawa ketidakupayaan bukan alasan untuk dikecualikan daripada mengejar ilmu dan kecemerlangan.

Pada tahun 2024, kempen pengambilan pekerja yang dijalankan oleh JobCentre Brunei menawarkan lebih 100 peluang pekerjaan, termasuk yang disesuaikan khusus untuk OKU. Ini adalah langkah kecil tetapi penting dalam memecahkan stigma dan membuka laluan kepada maruah melalui pekerjaan.

Sebagai sebuah negara yang berpandukan prinsip kesaksamaan sosial dan kemakmuran bersama, kita mesti memastikan bahawa perjalanan pembangunan negara kita merangkumi semua anggota masyarakat termasuk rakan-rakan OKU kita. Penyertaan mereka bukan soal simpati tetapi pengiktirafan potensi sebenar mereka sebagai rakyat yang produktif dan berdikari.

Oleh itu, saya menggesa majikan merentasi semua sektor; awam, swasta, korporat dan akar umbi, untuk menerima dan mengalu-alukan mereka. Berikan mereka peluang dengan menawarkan latihan. Hapuskan halangan bersifat sikap. Wujudkan tempat kerja di mana kelainan upaya bukanlah pengecualian tetapi ahli penting dalam pasukan. Ini bukan semata-mata tentang pekerjaan, ia adalah tentang memberi mereka ruang dan maruah untuk menyumbang secara bermakna kepada pembinaan negara kita.

Saya memuji agensi seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) serta rakan kongsi swasta lain untuk memimpin melalui teladan. Marilah kita memperbanyakkan usaha ini sehingga pengambilan pekerja inklusif menjadi perkara biasa dan bukan pengecualian.

Kerja kita tidak berhenti pada elaun atau pameran kerja. Ia adalah mengenai menukar sistem. Mengubah minda dan hati.

Itulah sebabnya kami menyokong program jangka panjang seperti latihan vokasional inklusif, skim keusahawanan sosial dan inisiatif yang dipacu komuniti di bawah dana Tabung OKU (TOKU). Ditubuhkan pada tahun 1981, TOKU kekal sebagai mercu tanda perpaduan awam yang menyokong segala-galanya daripada bantuan mobiliti kepada perumahan yang boleh diakses. Tetapi yang paling penting, ia juga memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran, kerana tanpa penerimaan masyarakat, dasar terbaik pun masih tidak lengkap. Dengan kerjasama dan persefahaman yang berterusan, kita yakin barisan OKU kita bukan sahaja akan menjadi penerima sokongan, tetapi penyumbang aktif kepada aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Kepada semua OKU, persidangan ini adalah untuk awda. Suara, pengalaman hidup dan idea awda bukan sahaja bernilai malah ia adalah penting. Kita berkumpul, kami mendengar suara awda dan kami menyokong awda.

Sama ada awda ahli persatuan, peguam bela, profesional, ibu bapa atau penjaga, awda perlu tahu bahawa kerajaan dan negara ini, komited untuk memastikan awda mempunyai akses yang sama, peluang yang sama dan maruah yang sama.

Kepada rakan kongsi kami dari luar negara, Terima kasih atas solidariti semua. Kehadiran awda di sini mengesahkan sokongan universal. Hak kelainan upaya adalah hak asasi manusia di mana-mana sahaja. Marilah kita terus berkongsi, belajar dan bekerjasama serantau dan global untuk dunia yang lebih inklusif dan penuh belas kasihan.

Sebagai penutup, marilah kita menjadikan persidangan ini lebih daripada sekadar perbualan. Biarkan ia menjadi pemangkin untuk dasar yang memperkasakan, sistem yang merangkumi dan masyarakat yang menaikkan semangat setiap ahlinya.

Bersama-sama, marilah kita bergerak ke hadapan bukan dengan simpati, tetapi dengan solidariti. Bukan dengan amal tetapi dengan komitmen.

Dan marilah kita membina masa depan di mana tiada siapa yang ketinggalan.

*Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سڬل جنيس ڤڽاکيت

# DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

## TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ العَلِىُّ العَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَائِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَايَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**

*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملڽ ( تولق بلاء)

### (1)

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

### (2)

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

### (3)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

### (4)

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

### (5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN]**
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Sebut Harga:**
1 / MEI / KKBS / BKBN / 1.40 / 25

**Tajuk Sebut Harga:**
Pembekalan dan Pemasangan Tiga (3) Unit Automated External Defibrillator Di Kem Latihan, Program Khidmat Bakti Negara, Bahagian Khidmat Bakti Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 19 Jun 2025

**Pusat Pembangunan Belia**
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Sebut Harga:**
05 / 2025 / KKBS / PPB / 01

**Tajuk Sebut Harga:**
Kontrak Penggal 24 Bulan Bagi Pembekalan Pakaian Sukan dan Seluar Sukan Pelatih-Pelatih Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
12 Jun 2025.

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
Terbuka

**Kategori:**
KA01 & KPB03 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa, 24 Jun 2025.

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 011 / BKTKS / 2025-T / II

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Infrastruktur Bagi Cadangan Pembuatan Bengkel Kalibrasi Electronic Distance Measurement (EDM) Dan Global Navigation Satellite System (GNSS) Kampung Telisai, Mukim Telisai, Daerah Tutong.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 8 Julai 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

---

**PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Sebut Harga:**
(09) NDMC / TSH / 2025 - 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
Sebut Harga Perkhidmatan Pemotongan Rumput Berserta Pemuliharaan Pohon-Pohon Hiasan Dan Kawasan Luar Bangunan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan Bagi Tempoh Kontrak (2) Dua Tahun

**Yuran:**
BND5.00 [Lima Ringgit Sahaja]

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
30 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

1.**Bilangan Sebut Harga**:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 04 / 2025 - 2026

**Tajuk Sebut Harga**:
Provision Of Supply, Removal, And Installation Of Ceiling-Mounted Hall Lighting And Other Related Electrical Works At The Ministry Of Primary Resources And Tourism Building.

**Tarikh Tutup Sebut Harga**:
3 Julai 2025.
Khamis,
Jam 2.00 Petang.

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga**:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

1.**Bilangan Sebut Harga**:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 05 / 2025 - 2026

**Tajuk Sebut Harga**:
Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap Bagi Keseluruhan Kawasan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.

**Tarikh Tutup Sebut Harga**:
10 Julai 2025, Khamis.
Jam 2.00 Petang

**Tarikh Taklimat**:
30 Jun 2025, Isnin, Jam 9.00 Pagi.

2.**Bilangan Sebut Harga**:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 06 / 2025 - 2026

**Tajuk Sebut Harga**:
Pest Control Services For 12 Months At Ministry Of Primary Resources And Tourism Building.

**Tarikh Tutup Sebut Harga**:
10 Julai 2025, Khamis.
Jam 2.00 Petang.

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga**:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

---

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**Bil. Tawaran:**
UBD / E8 / 001 / 2025 - [G]

**Keterangan:**
The Supply, Install (Set Up), Deliver, And Commision Of One (1) Unit Unitree Humanoid Robot G1 Edu Ultimate A-U3 With Accessories To The School Of Digital Science (SDS), Universiti Brunei Darussalam

**Bayaran Dokumen & Pentadbiran:**
BND15.00
[Tidak dikembalikan]

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
1 Julai 2025.

---

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
07 / DBP / SH / 2025 - 2026

**Nama Dokumen Sebut Harga:**
Repair To Existing Concrete Gutter And Existing Metal Roof At Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka Temburong

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
24 Jun 2025.

---

**JPh**
**JABATAN PERHUTANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Invitation For Expression Of Interest (EOI)**

**Nombor Rujukan**
JPH / SH / EOI / 2550 / 2025 - 2026

**Tajuk**
Invitation For Expression Of Interest (EOI) Bagi Projek Invest In Establishment Of Crocodile Rescue Estate In Brunei Darussalam

**Tarikh Buka Tawaran Pada:**
Isnin,
26 Mei 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Pada:**
Isnin,
30 Jun 2025.

**Tarikh Tutup Pada**
Khamis, 31 Julai 2025.

---

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Rujukan Tawaran:**
KP(MC)SUT / 6.12 / ASET / 01 / 2025

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pembersihan Dalam Dan Luar Bangunan Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi Jalan Menteri Besar Bagi Tempoh 1 Tahun

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 25 Jun 2025

Dan dihantar kepada:-
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Tingkat Bawah, Peti Sebut Harga
Jalan Menteri Besar BB3910
Negara Brunei Darussalam

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
II Sahaja

**Kategori :**
B01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM012 / 2025

**Bil. Projek**
2025DBSBM / PDB.02

**Nama Projek:**
Menaiktaraf Bangunan Bahagian Pengangkutan dan Bengkel Jabatan Logistik

**Yuran Tawaran:**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Kelas:**
II & III Sahaja

**Kategori:**
B01 & KPB02

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM016 / 2025

**Bil. Projek**
2025DBSBM / KKBS.02

**Nama Projek:**
Penggantian Atap Bagi Blok Pentadbiran, Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah

**Kelas:**
II Sahaja

**Kategori :**
B01 & KPB01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM017 / 2025

**Bil. Projek**
2025DBSBM / PDB.04

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Membaik Pulih Pos Polis Kampung Terunjing, Brunei Muara

**Kelas:**
II & III Sahaja

**Kategori:**
B01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM019 / 2025

**Bil. Projek**
2025DBSBM / JKR.03

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Pejabat Bahagian Projek, Tingkat 2, Jabatan Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, JKR (Blok B), Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
24 Jun 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 8 Julai 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**1. Bilangan Tawaran:**
JDB / BKPD / SH / 06 / 2025

**Tajuk Tawaran:**
Term Contractor For Grass Cutting At Certain Area In Belait Under Jabatan Daerah Belait For A Period Of Time Of One (1) Year

**2. Bilangan Tawaran:**
JDB / BKPD / SH / 07 / 2025

**Tajuk Tawaran:**
One (1) Year Term Contract Of Grass Cutting At Certain Areas In Seria, Sungai Liang And Labi Under Jabatan Daerah Belait

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
17 Jun 2025 (Selasa)

**1. Keterangan Projek**:
Kerja-Kerja Demolish Work To Bangunan Pentas Taman Jubli Perak, Jalan Maulana Kuala Belait

**Bilangan Tawaran**:
03 / BBS / SH / 2025 - 2026

**Yuran Tawaran**:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
17 Jun 2025

**Keterangan Projek:**
Three (3) Years Term Contract For Building And Cleaning Services.
I. Pejabat Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait & Seria Jalan Mckerron, Kuala Belait.
II. Dewan Bandaran Kuala Belait & Bahagian Letak Kereta Kuala Belait.
III. Dewan Persidangan Kuala Belait, Jalan Mckerron Kuala Belait.

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
BBS / TC(6) / 2025 – 2028

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
17 Jun 2025

---

**JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Sebut Harga bagi Perkhidmatan/ Pembekalan:**
Kontrak Dua (2) Tahun Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Penyelenggaraan Landskap Di Kawasan Bangunan Ibu Pejabat Dan Bangunan Radar Cuaca Doppler Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

**Bilangan Sebut Harga:**
JKBD/2025/SH-05

**Hari/Tarikh/Waktu Tutup:**
Rabu, 25 Jun 2025,
sebelum pukul 9.00 pagi

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**1. Tajuk Tawaran:**
Tawaran bagi 'Residency Automobile Display' Lot A

**No. Bilangan Tawaran:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 25 / BPKB / 02

**2. Tajuk Tawaran:**
Tawaran bagi 'Residency Automobile Display' Lot B

**No. Bilangan Tawaran:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 30 / BPKB / 05

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis, 19 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**KENYATAAN TAWARAN**

**DESIGN, PRINTING AND DELIVERY OF BRUNEI DARUSSALAM NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL (MKKJR) STRATEGIC & ACTION PLAN 2026 – 2030 BOOKLET**

**Bilangan Tawaran:**
TSD(MC)1.3 (MKKJR SP Booklet 2025-2026)

**Tarikh Tutup:**
25 Jun 2025

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebutharga
Ministry of Transport and Infocommunications,
Jalan Menteri Besar, BB3910,
Brunei Darussalam

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

**Jawatan:**
Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat II

**Tangga Gaji:**
C.1-2 EB.3
(BND1,280 - BND2,270)

**Kekosongan:**
2 Orang

**Menghadapkan Borang Permohonan**

**Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan: *https://tinyurl.com/PPPTIIUBD2025*

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 19 Jun 2025.

**Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan: *https://tinyurl.com/PPPTIIUBD2025*

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 19 Jun 2025.

Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut :

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

**Kepada:**
**Pejabat Sumber Tenaga Manusia**
**Universiti Brunei Darussalam**
**Jalan Tungku Link, Gadong BE1410**
**Negara Brunei Darussalam**
**[U.P: Bahagian Pengambilan]**

Permohonan yang tidak lengkap, mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

Hanya pemohon-pemohon yang disenaraipendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temuduga.

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**1. Bilangan Tawaran:**
01 / BBS / SH / 2025-2026

**Keterangan Projek:**
Remove Of Litters During And After Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat At Padang Bandaran And Dewan Persidangan Kuala Belait Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Tahun Peringkat Daerah Belait, Tahun 2025

**2. Bilangan Tawaran:**
02 / BBS / SH / 2025-2026

**Keterangan Projek:**
Remove Of Litters At Gerai Perayaan Kawasan Tudung Saji Jalan Setia Diraja Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Tahun Peringkat Daerah Belait, Tahun 2025

3. **Bilangan Tawaran:**
01 / BBS / DBBPJBKBS / 2025-2026

**Keterangan Projek:**
Supply And Delivery Of Dust Bin For Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(*Non-Refundable*)

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
24 Jun 2025
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Kenyataan Sebut Harga**

**1.Tajuk Sebut Harga:**
ATELS/2025/SH-23

The Supply And Install Of Power-Plus On Line Rack Mount Uninterrupted Power Supply At Andulau For Air Traffic Service Centre.

**Tarikh iklan/mengambil dokumen Sebut Harga:**
11 Jun 2025,
Rabu

**Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga:**
17 Jun 2025,
Selasa

**Tarikh tutup Sebutharga:**
18 Jun 2025, Rabu
(tidak lewat jam 02.00 petang)

**2. Tajuk Sebut Harga:**
ATELS/2025/SH-24
The Supply And Install Of Ultra High Frequency Repeater, Duplexer, Antenna For Brunei International Airport

**Tarikh iklan/mengambil dokumen Sebut Harga:**
11 Jun 2025,
Rabu

**Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga:**
24 Jun 2025,
Selasa

**Tarikh tutup Sebut Harga:**
25 Jun 2025, Rabu
(tidak lewat jam 02.00 petang)

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2024 / GSU / TA / 001
Purchase Of Og Dacron Green, White Pocket, White For Medical And Mess Kit Raw Material For Gurkha Security Unit

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 17 Jun 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
2.00 Petang, Selasa,
24 Jun 2025.

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Pemberitahuan Tawaran Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
KK/142/2025/HTD(TC)

**Keterangan:**
The Provison Of Leasing Fujinon Videoscopes With Comprehensive Maintenance Services For Division Of Gastroenterology And Hepatology, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Tawaran:**
KK/143/2025/HTD(TC)

**Keterangan:**
The Provision Of Leasing Olympus Videoscopes With Comprehensive Maintenance Services For Division Of Gastroenterology And Hepatology, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 100.00

**Tarikh Tutup:**
17 Jun 2025,
**T**idak lewat jam 2.00 petang

**Pemberitahuan Tawaran Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
KK/132 /2025/LAB(TC)

**Keterangan:**
To Supply And Deliver Of Laboratory Consumables (Biohazard Zip-Lock Bag With Pocket) For Phlebotomy And CSRA, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
17 Jun 2025
tidak lewat jam 2.00 petang.

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**
10/JUNE/2025/KKBS/PJK/16.43

**Tajuk Sebut Harga:**
Mechanical And Electrical Term Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months For Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Temburong, Brunei Darussalam
1) BATANG DURI CAMP
2) BELALONG CAMP

**Yuran Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Tidak lewat
Khamis, 26 Jun 2025
Jam 2.00 petang

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

**BILANGAN SEBUT HARGA:**
05/JMM/S/12/91 (2025/2026) – R

**TAJUK SEBUT HARGA:**
FABRICATION, SUPPLY AND INSTALLATION OF NEW CANON'S PRESENTATION DISPLAY AT STOR MUZIUM GUDANG BLOK G, GADONG, BRUNEI DARUSSALAM

**YURAN TAWARAN:**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**TARIKH TUTUP:**
Khamis,
26 Jun 2025
Jam 2.00 Petang.



# SMSH ANJUR AKTIVITI BERINFORMASI SEMPENA HARI BUKU SEDUNIA



SEKITAR Sambutan Hari Buku Sedunia 2025 dengan pelbagai aktiviti menarik dan berinformasi yang berlangsung di pekarangan sekolah berkenaan (atas dan bawah). Manakala gambar kanan, Pengasas dan Pengarah Qasrun Nafis Publishing House, Dr. Haji Rozan bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos semasa hadir pada sambutan tersebut.

**Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Sultan Hassan**

**TEMBURONG,** Sabtu, 14 Jun. – Dalam usaha memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar dan masyarakat setempat, Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH) menganjurkan Sambutan Hari Buku Sedunia 2025 dengan pelbagai aktiviti menarik dan berinformasi yang berlangsung di pekarangan sekolah berkenaan, hari ini.



Majlis tersebut disempurnakan oleh Pengasas dan Pengarah Qasrun Nafis Publishing House, Dr. Haji Rozan bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos yang juga menyampaikan ucapan inspirasi mengenai kepentingan membaca sebagai asas kecemerlangan pendidikan dan pembentukan sahsiah generasi muda.

Antara pengisian menarik sepanjang program ini termasuklah bacaan massa dalam bilik darjah bagi pelajar Tahun 7 dan 8 bersama ibu bapa, Pertandingan Kostum bertemakan '3R (Reduce, Reuse, Recycle)' serta sesi interaktif bersama penerbit, penulis dan pelukis ilustrasi.

Turut menyemarakkan sesi tersebut ialah kehadiran penulis-penulis tempatan seperti Micheal Hardy, Subandi Kamis, Dr. Izzati Jamil, dan pelukis ilustrasi Sophie Sitai Kehoe, yang berkongsi pengalaman mereka dalam bidang penulisan dan ilustrasi serta memberi motivasi kepada pelajar untuk menulis dan berkarya.

Menambahkan lagi keceriaan sambutan, para guru, pelajar dan kakitangan sekolah turut tampil dengan pelbagai kostum menarik yang diinspirasikan daripada watak-watak buku terkenal sekali gus menghidupkan suasana dan menyemarakkan semangat membaca dalam kalangan warga sekolah.

Majlis juga diserikan dengan pertunjukan seni kaligrafi Cina, pameran buku serta gerai jualan buku yang disertai oleh Qasrun Nafis Publishing House, Best



Eastern dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selain itu, majlis juga diserikan dengan persembahan para pemenang Pertandingan Pidato Umum dalam bahasa Melayu dan Inggeris yang telah dikendalikan oleh Speech Academy Asia Brunei, diikuti Persembahan Gulintangan, tayangan video terbaik oleh para peserta serta sesi penyampaian hadiah dan cenderamata kepada para pemenang bagi setiap kategori aktiviti yang dipertandingkan.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian cenderamata dan sesi bergambar bersama tetamu kehormat.

# 44 guru sertai bengkel terokai alat AI



ANTARA yang menyertai bengkel lanjutan bertajuk 'AI for Teaching and Learning Geography 2.0' yang berlangsung di Universiti Brunei Darussalam, baru-baru ini.

**Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab**

**TUNGKU LINK,** Sabtu, 14 Jun. - Seramai 44 orang guru subjek Geography yang terdiri dari sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama menghadiri bengkel lanjutan bertajuk 'AI for Teaching and Learning Geography 2.0' yang berlangsung di Universiti Brunei Darussalam, baru-baru ini.

Bengkel dibimbing oleh Penolong Profesor Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Dr. Desmond Tan Chia Chun selaku fasilitator yang antara lain memperkenalkan lima alat AI yang berguna.

Beliau menjelaskan, antaranya ialah Alat Pengajaran AI - Platform seperti Brisk Teaching membantu guru menghasilkan bahan pengajaran dan pembentangan dengan cepat dan mudah.

Selain itu, jelasnya, penjanaan imej alat seperti Ideogram.AI, NightCafe dan Leonardo digunakan untuk mencipta imej dan visual sesuai bagi menyokong kandungan Geography.

Tambahnya lagi, pembangunan panduan pemarkahan menggunakan alat seperti Claude. AI, guru dapat membina panduan pemarkahan dan memberikan maklum balas dengan lebih cekap dan tersusun.

Melalui bengkel tersebut, guru subjek Geography didedahkan kepada alat AI yang inovatif dan praktikal bagi menyokong perancangan pengajaran, penyampaian visual dan penilaian yang boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka.

Sesi ini mencerminkan usaha berterusan negara dalam menyokong penggunaan teknologi dalam pendidikan, agar guru sentiasa bersedia menghadapi cabaran pembelajaran Abad Ke-21.

Turut hadir, Pegawai Unit Akademik, Dayang Hajah Mahalizah binti Haji Ali dan Pegawai Kluster 1, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Laila binti Haji Idris.

Bengkel tersebut dianjurkan oleh Komiti Subjek Geography dari Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab melalui Hub Pembangunan Profesional.

# Mempromosi prinsip perniagaan telus




BAHAGIAN Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa mengungkayahkan Perkhidmatan Pengujian Mudah Alih ke atas alat sukat dan timbang di salah satu tempat.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Jun. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengungkayahkan Perkhidmatan Pengujian Mudah Alih ke atas alat sukat dan timbang di tiga buah tempat, iaitu Tamu Kianggeh, Pasar Tani Selayun dan Pasar Gadong.

Perkhidmatan Pengujian Mudah Alih yang telah dilaksanakan pada 9, 17, 21 dan 28 Mei 2025 berkenaan merupakan inisiatif yang berterusan dengan menerapkan kaedah pendekatan mudah dan mesra pelanggan dalam menjaga hak pengguna.

Di samping itu, ia mempromosi prinsip perniagaan yang telus dalam memastikan sebarang aktiviti sukat dan timbang yang bertujuan untuk perdagangan mematuhi Akta SDT 1983 Penggal 151 dan Peraturan-peraturan (Penelitian) 1994.

Hasil daripada perkhidmatan berkenaan, Unit SDT telah mendaftarkan sebanyak 173 unit alat sukat dan timbang. Para peniaga dan pengguna alat sukat dan timbang adalah dikehendaki untuk sentiasa mematuhi Peraturan-peraturan (Penelitian) Alat-alat SDT1994; di bawah Seksyen 3 (2); setiap orang yang menggunakan atau ada pada miliknya untuk kegunaan perdagangan mana-mana timbangan, sukatan alat-alat untuk menimbang yang tidak dicap sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan ini adalah bersalah.

Hukuman denda sebanyak BND1,000 atau penjara selama tiga bulan atau kedua-duanya sekali dan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang yang tersebut itu boleh dirampas dan sebarang kontrak, tawar-menawar, jualan atau urusan dagang yang dibuat dengan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang sedemikian adalah tidak sah.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT melalui e-mel *sdt@mofe.gov.bn* atau menerusi talian +673 2383142.

# IMBASAN MINGGUAN



SUASANA sebahagian para pekerja saat melakukan proses pembungkusan daging korban untuk diagihkan kepada penerima terdiri daripada golongan asnaf fakir dan miskin serta tanggungan mereka di seluruh negara. - Foto : Azmah Haji Ahad.



ANTARA jemaah yang hadir pada Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



SUASANA penuh ceria dan meriah semasa acara Kids' Athletic yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam yang menerima sijil mereka atas kejayaan mereka menamatkan pengajian dan memperoleh pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan BCGCE 'O' Level 2024. - Foto : Azmah Haji Ahad.



ANTARA sajian yang diperkenalkan semasa Festival Makanan Singapura 2025 bertempat di Restoran Anjung Saujana, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas. - Foto : Azmah Haji Ahad.



AKSI perlawanan di antara Pasukan Negara Brunei Darussalam menentang Pasukan Bhutan dalam Pusingan Ketiga Kelayakan Piala Asia AFC, Arab Saudi 2027. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



# Generasi muda perlu pendedahan awal ilmu pengurusan jenazah

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Arrazaq Kifayah Management

**ILMU** pengurusan jenazah merupakan salah satu cabang Fardu Kifayah yang wajib dipelajari dan diamalkan oleh umat Islam. Walaupun tugasan ini tidak sering dilakukan oleh setiap individu, namun pemahaman terhadapnya amat penting, khususnya dalam kalangan generasi muda. Akan tetapi, realiti pada hari ini menunjukkan bahawa sebahagian besar generasi muda kurang pendedahan tanggungjawab mengurus jenazah bahkan ada yang langsung tidak mengetahui cara-cara mengurusnya, baik dari segi teori mahupun amali. Hal ini menimbulkan kebimbangan apabila generasi akan datang tidak mampu melaksanakan tanggungjawab tersebut apabila tiba waktunya.

Ada juga sesetengah masyarakat yang beranggapan bahawa tugas ini hanya sesuai dilakukan oleh golongan tua atau yang berpengalaman sahaja dan ini antara sebab utama generasi muda kurang berminat terhadap bidang ini. Namun, tanggungjawab ini adalah amanah bersama yang perlu diteruskan oleh semua generasi. Oleh itu, amat penting bagi generasi muda masa kini menguasai ilmu pengurusan jenazah demi memastikan amalan ini berterusan ke generasi seterusnya agar ia terus dipraktikkan.

Ilmu pengurusan jenazah merangkumi beberapa proses penting seperti memandikan, mengapankan, menyembahyangkan dan mengebumikan jenazah mengikut tatacara yang ditetapkan dalam syariat Islam. Semua amalan ini hendaklah dilaksanakan dengan syarat-syarat dan tatatertib. Ilmu ini bukan sahaja memerlukan pemahaman teori malah kemahiran praktikal juga amat penting. Oleh itu, pendedahan awal kepada generasi muda mengenai pengurusan jenazah perlu diterapkan agar mereka bukan sahaja mengetahui cara melakukannya, malah bersedia apabila menghadapi situasi sebenar.

Penguasaan ilmu pengurusan jenazah dalam kalangan muda dapat memastikan kesinambungan pelaksanaan Fardu Kifayah dalam masyarakat. Tanpa penyertaan mereka, ilmu ini berisiko untuk pupus dan tanggungjawab melaksanakan fardu kifayah mungkin tidak dapat dilakukan dengan sempurna. Jika sekiranya tiada dalam kalangan umat Islam yang mampu menguruskan jenazah, maka seluruh masyarakat di kawasan tersebut akan menanggung dosa. Oleh sebab itu, kita jangan hanya bergantung kepada golongan tua atau mereka yang berpengalaman sahaja tetapi generasi muda juga perlu ambil tahu. Ini kerana jika mereka sudah tiada, siapakah yang akan meneruskan tanggungjawab ini sekiranya anak muda tidak bersedia dan tidak mengambil tahu. Justeru, ilmu ini penting untuk diwarisi dan dipelajari oleh golongan muda agar ia tidak pupus dan berhenti.

## Pentingnya penglibatan generasi muda

Penglibatan golongan muda dalam cara-cara menguruskan jenazah amat penting untuk memastikan mereka didedahkan dan mendapat ilmu mengenai kepentingan pengurusan jenazah. Antara usaha yang boleh dilakukan untuk memberi galakan kepada anak muda kita untuk mempelajari dan menguasai ilmu ini adalah dengan memberi program pembelajaran seperti kursus, bengkel atau program mengenai pengurusan jenazah supaya mereka lebih faham dan melihat secara langsung tatacara menguruskan jenazah.

Selain itu, ilmu ini juga dapat membentuk keinsafan dan kesedaran dalam diri generasi muda. Proses menguruskan jenazah secara tidak langsung mengingatkan seseorang kepada kematian dan kehidupan yang hanya sementara di dunia ini. Pengalaman menguruskan jenazah akan menyedarkan mereka tentang pentingnya beramal soleh dan tanggungjawab terhadap sesama Islam kerana ia mengingatkan bahawa setiap insan akan kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan hanya amal kebajikan yang menjadi bekalan di akhirat nanti.

Dengan adanya penglibatan golongan muda ini dapat memperkukuhkan lagi hubungan antara generasi lama dan yang baharu. Golongan generasi muda boleh belajar secara langsung daripada pengalaman dan kepakaran yang ada pada generasi lama sekali gus mewujudkan suasana saling menghormati dan menghargai antara satu sama lain. Apabila wujudnya kelompok muda yang berpengetahuan dan terlatih, maka beban pengurusan jenazah tidak hanya tertumpu kepada golongan tua atau individu tertentu sahaja.

Di Negara Brunei Darussalam, penglibatan agensi-agensi kerajaan seperti Pusat Da'wah Islamiah memainkan peranan penting dalam memperkukuh kefahaman masyarakat mengenai pengurusan jenazah. Agensi ini turut mengendalikan kelas-kelas pengurusan jenazah yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan serta kemahiran masyarakat dalam melaksanakan pengurusan jenazah mengikut syariat Islam.

Namun begitu, cabaran utama dalam usaha memberi pendedahan awal ini ialah sikap sesetengah pihak yang menganggap ilmu pengurusan jenazah sebagai sesuatu yang berat, menakutkan atau tidak sesuai untuk generasi muda. Tanggapan seperti ini perlu diperbetulkan kerana kematian merupakan satu realiti yang pasti dan tidak mengenal usia. Oleh itu, tiada istilah terlalu muda untuk mempelajari ilmu pengurusan jenazah.

Akhir sekali, dengan mempelajari ilmu pengurusan jenazah ini memberi banyak manfaat. Selain daripada memberi kesedaran dan keinsafan kepada kita, ia juga memperkukuhkan kefahaman terhadap tanggungjawab sebagai seorang Islam dalam memenuhi tuntutan Fardu Kifayah. Pelajarilah ilmu pengurusan jenazah kerana terdapat banyak ganjaran yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan kepada mereka yang menguruskan jasad yang sudah tidak bernyawa. Oleh itu, sudah tiba masanya generasi muda mengambil alih tanggungjawab ini tanpa bergantung kepada generasi yang lebih tua agar amalan Fardu Kifayah ini berterusan.



PELITA BRUNEI




# Setiap titisan darah didermakan melambangkan kasih sayang, kepedulian sesama manusia

TAHUKAH awda, apabila kita menderma darah walaupun sekali, kita dianggap sebagai insan yang istimewa kerana telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai harganya. Kita sedia maklum, darah adalah komponen yang penting dalam merawat pesakit di hospital. Keperluan dan permintaan terhadap darah meningkat dari tahun ke tahun hasil perkembangan industri kesihatan di dalam negara kita.

Derma darah merupakan satu amalan mulia yang mampu menyelamatkan nyawa. Setiap titisan darah yang didermakan berpotensi membantu pesakit yang mengalami kehilangan darah akibat kemalangan, pembedahan, atau penyakit serius seperti talasemia. Kempen Derma Darah semakin giat dijalankan oleh pelbagai pihak, termasuk hospital dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), bagi memastikan bekalan darah sentiasa mencukupi. Oleh itu, masyarakat perlu memahami kebaikan derma darah dan mengambil langkah proaktif untuk menyumbang kepada bank darah negara.

**Menderma darah menyelamatkan nyawa**

Pada tahun ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), bersama rakan-rakan kongsi serta seluruh komuniti global bersatu meraikan Hari Penderma Darah Sedunia dengan membawa tema dan slogan 'Give Blood, Give Hope : Together We Save Lives' atau 'Derma Darah, Beri Harapan : Bersama Kita Membantu Menyelamatkan Nyawa'.

Kebaikan utama menderma darah ialah menyelamatkan nyawa. Setiap beg darah yang didermakan boleh membantu lebih daripada seorang pesakit kerana darah boleh dipecahkan kepada beberapa komponen seperti plasma, platelet dan sel darah merah. Sebagai contoh, pesakit leukemia memerlukan pemindahan darah secara berkala untuk bertahan hidup. Selain itu, pesakit yang mengalami kehilangan darah akibat kemalangan jalan raya atau pembedahan juga sangat memerlukan darah penderma. Oleh itu, menderma darah bukan sekadar satu kebajikan tetapi satu tanggungjawab sosial bagi memastikan kelangsungan hidup orang lain.

Sebelum menderma, pegawai perubatan akan melakukan pemeriksaan kesihatan secara ringkas. Kemudian, mereka akan memaklumkan kepada penderma berkaitan kumpulan / jenis, kadar tekanan darah, tahap kolesterol dan pelbagai lagi. Pemeriksaan kesihatan secara percuma ini dapat membantu kita mengetahui tahap kesihatan masing-masing dan pengesanan awal dapat dilaksanakan jika kita menghidap sebarang penyakit. Bukan itu sahaja, darah yang diderma akan ditapis terlebih dahulu bagi mengenal pasti jika penderma terdapat jangkitan virus seperti HIV dan hepatitis. Seperti yang kita maklum mencegah lebih baik daripada merawat. Kesannya, ianya dapat memastikan kita berwaspada terhadap ancaman kesihatan di samping membantu mereka yang memerlukan.

**Meningkatkan kesihatan penderma**

Selain membantu orang lain, penderma juga memperoleh manfaat kesihatan. Kajian menunjukkan bahawa pendermaan darah secara berkala boleh membantu mengurangkan risiko penyakit jantung kerana ia mengurangkan lebihan zat besi dalam badan, yang boleh menyebabkan tekanan oksidatif dan merosakkan arteri. Tambahan pula, penderma akan menjalani pemeriksaan kesihatan percuma sebelum menderma, yang membolehkan mereka mengesan sebarang masalah kesihatan lebih awal. Justeru, pendermaan darah bukan sahaja baik untuk penerima, malah turut memberi manfaat kepada penderma sendiri.

**Memupuk sikap prihatin**

Menderma darah melatih seseorang untuk menjadi lebih berperikemanusiaan dan pemurah, yang merupakan antara kebaikan derma darah kepada individu dan masyarakat. Sikap ini penting dalam masyarakat kerana ia membentuk individu yang lebih prihatin terhadap keperluan orang lain serta mewujudkan budaya tolong-menolong yang sihat. Misalnya, kempen pendermaan darah yang dijalankan di universiti dan tempat kerja juga di kompleks-kompleks membeli-belah sering mendapat sambutan hangat, membuktikan bahawa ramai yang sanggup membantu mereka yang memerlukan. Lebih menarik, kajian menunjukkan bahawa individu yang aktif menderma darah cenderung mempunyai hubungan sosial yang lebih erat kerana amalan ini melahirkan perasaan empati dan tanggungjawab terhadap komuniti dan ini juga menunjukkan bahawa dalam kehidupan bermasyarakat, amalan membantu sesama insan amat dihargai dan digalakkan.

**Membantu mengurangkan kos perubatan**

Pendermaan darah yang mencukupi dapat membantu mengurangkan kos rawatan pesakit dan beban hospital. Bekalan darah yang stabil memastikan pesakit dapat menerima rawatan dengan segera tanpa perlu membeli darah daripada sumber lain yang mungkin mahal. Sebagai contoh, di beberapa negara, kekurangan darah menyebabkan pesakit perlu membayar harga tinggi untuk mendapatkan darah dari bank darah swasta.



Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Oleh itu, menderma darah secara konsisten dapat membantu meringankan beban kewangan sistem kesihatan negara dan menjadikan rawatan lebih mudah diakses oleh golongan memerlukan.

**Pencapaian pendermaan darah NBD**

Pada 2024, Pusat Pendermaan Darah telah mencatat sebanyak 17,380 kutipan darah yang disumbangkan oleh 13,393 penderma darah, termasuk 3,774 penderma darah yang baru berdaftar. Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam telah mencapai kadar pendermaan darah sebanyak 2.9 peratus pada 2024 sejajar dengan trend pencapaian yang konsisten sejak dari 2014. Pencapaian ini adalah juga seperti yang telah disarankan oleh pihak WHO, iaitu pencapaian tahunan jumlah penderma darah dalam lingkungan satu hingga tiga peratus dari jumlah keramaian penduduk bagi memenuhi keperluan negara dalam menangani situasi kecemasan.

Dalam memastikan pencapaian berkenaan sentiasa dikekalkan, Pusat Pendermaan Darah akan terus proaktif dalam mempelawa dan menggalakkan penganjuran kempen-kempen pendermaan darah secara sukarela, dengan tujuan bagi memperkasa dan memperluaskan lagi aktiviti seumpamanya.

**Mengukuhkan semangat kesukarelawanan**

Budaya derma darah dapat membentuk masyarakat yang lebih prihatin dan bersatu padu. Apabila seseorang mendermakan darah, mereka menunjukkan sikap empati dan saling membantu tanpa mengharapkan balasan. Sebagai contoh, dalam Kempen Derma Darah semasa pandemik COVID-19, ramai rakyat di negara ini tampil ke hadapan untuk menderma darah walaupun terdapat kekangan pergerakan. Sikap sebegini mencerminkan masyarakat di negara kita sentiasa saling membantu dalam menghadapi cabaran hidup.

Secara keseluruhannya, kebaikan derma darah bukan sahaja memberi manfaat kepada penerima tetapi juga kepada penderma dan masyarakat secara keseluruhan. Menderma darah membantu menyelamatkan nyawa, meningkatkan kesihatan penderma, dan memastikan bekalan darah sentiasa mencukupi di hospital. Setiap titisan darah yang didermakan melambangkan kasih sayang dan kepedulian terhadap sesama manusia. Oleh itu, kesedaran tentang kebaikan derma darah perlu dipupuk agar lebih ramai individu tampil untuk menderma. Menderma darah bukan sekadar pilihan, tetapi satu tanggungjawab sosial demi kesejahteraan bersama.

# OPERASI PANYAP KESAN PELBAGAI KESALAHAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Jun. - Dalam menguatkuasakan Akta dan Peraturan yang dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) termasuk Akta Anti-Pemerdagangan Orang, Penggal 230 dan Akta Pencegahan Penyeludupan Orang, Penggal 229, JIPK melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-undang telah pun melaksanakan empat Operasi Panyap yang menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam.

Semasa melaksanakan Operasi Panyap 61/2025 yang menyasarkan sebuah restoran di Mukim Liang, Kuala Belait didapati seramai tiga warga asing telah pun diperiksa yang mana seorang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Individu berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Sementara, Operasi Panyap 62/2025 pula menyasarkan sebuah kedai makan di Mukim Sengkurong dan sebuah kedai runcit di Mukim Pengkalan Batu. Semasa operasi berkenaan, seramai tiga warga asing telah diperiksa dan dua orang daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Kedua-dua individu berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Manakala Operasi Panyap 63/2025 yang menyasarkan sebuah rumah di Mukim Sengkurong mendapati seramai dua daripada tiga warga asing yang diperiksa semasa operasi dijalankan telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut, dengan seorang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen beliau mansuh.

Manakala, seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Dalam Operasi Panyap 65/2025 pula menyasarkan kawasan letak kereta dan sebuah restoran di Mukim Gadong 'B'. Seramai dua warga asing telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut. Kedua-duanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 8(2)(g), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu melakukan kegiatan meminta sedekah.

Manakala seorang daripadanya juga dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja bukan dengan majikan asal setelah gagal untuk mengemukakan dokumen asal.

Sementara, seorang lagi turut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu menyalahgunakan Pas Lawatan.

JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 atau +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) atau +673 8984111 (Kuala Belait).





**JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) termasuk Akta Anti-Pemerdagangan Orang, Penggal 230 dan Akta Pencegahan Penyeludupan Orang, Penggal 229, JIPK melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-undang melaksanakan empat Operasi Panyap yang menyasarkan beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam (atas dan atas kanan).**

# 4 individu dikenakan denda kompaun



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

**BAHAGIAN Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara mengeluarkan kompaun ke atas empat individu kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30) di kawasan Pantai Jerudong (kiri dan bawah kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Jun. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) mengeluarkan kompaun ke atas empat individu kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30) di kawasan Pantai Jerudong.

Menurut kenyataan, individu-individu tersebut ialah Afif Hisyam bin Haji Azamain, warga tempatan dikenakan denda sebanyak BND300 atas kesalahan Bab 12 (1) (e), sementara Muhammad Aiman Izzudin bin Muhammad Isa, warga tempatan dikenakan denda sebanyak BND300 atas kesalahan Bab 12 (1) (e), manakala Muhammad Qashri Rawiyani bin Abdul Aji, warga tempatan dikenakan denda sebanyak BND300 atas kesalahan Bab 12 (1) (a) dan Milon Hossain, warganegara Bangladesh dikenakan denda sebanyak BND200 atas kesalahan Bab 12 (1) (a).

Individu-individu tersebut diarahkan untuk menjelaskan denda kompaun dalam masa tujuh hari. Jika gagal, kes akan dibawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30) iaitu jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND9,000 bagi individu atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pihak JDBM juga ingin memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan WhatsApp +673 8321581.



# Bantu kesan remaja keluar rumah

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**TUTONG**, Sabtu, 14 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang remaja tempatan yang dilaporkan keluar dari rumah.

Remaja perempuan berkenaan ialah Nur Syazatulelwany binti Matnor, berusia 15 tahun, dengan nombor Kad Pengenalan 01-170365 (K).

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai remaja berkenaan diminta menghubungi Balai Polis Tutong menerusi talian +673 4222580 atau melalui Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis berdekatan.



**REMAJA perempuan, Nur Syazatulelwany binti Matnor, berusia 15 tahun dilaporkan keluar dari rumah.**



BERITA GLOBAL

# PENGANALISIS MENYERU HONG KONG UNTUK MENERIMA ALIRAN GLOBAL, PELUANG DI TENGAH-TENGAH PERUBAHAN PASARAN DINAMIK GLOBAL

**HONG KONG**, 14 Jun. - Dalam konteks peralihan global yang ketara, pegawai kerajaan, pemimpin perniagaan dan cendekiawan yang mengambil bahagian dalam Sidang Kemuncak Musim Panas Caixin 2025 di Hong Kong menggariskan keperluan untuk bandar itu menyesuaikan diri dan merebut peluang yang dibentangkan oleh perubahan ini dan memanfaatkan kedudukan uniknya untuk meningkatkan kesalinghubungan dan memupuk pertumbuhan.

Setiausaha Kewangan Kerajaan Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong (HKSAR), Paul Chan berkata bahawa tiga trend utama, iaitu dinamik geopolitik, transformasi teknologi dan peralihan hijau akan mempengaruhi pembangunan global dengan ketara sepanjang dekad akan datang dan seterusnya.

Pengembangan mekanisme kerjasama Selatan-selatan, bersama-sama dengan inisiatif seperti Belt and Road, kerjasama BRICS, dan rangkaian yang ditubuhkan oleh bank pembangunan pelbagai hala, memacu peningkatan kerjasama yang saling menguntungkan, kata Chan.

Kecerdasan Buatan (AI) sedang mentakrifkan semula daya saing, manakala permintaan pembiayaan yang besar untuk transformasi hijau global akan menimbulkan sejumlah besar produk dan penyelesaian teknologi hijau, katanya.

Dalam dunia yang dicirikan oleh perubahan yang kompleks, kelebihan Hong Kong sebagai sebuah metropolis antarabangsa yang terbuka, pelbagai dan inklusif menjadi semakin menonjol, kata Setiausaha Kewangan itu, sambil menyatakan bahawa untuk mengemudi transformasi ini dengan berkesan, Hong Kong bukan sahaja perlu memupuk momentum baharu dalam sektor seperti kewangan, perdagangan dan inovasi tetapi juga meneroka pasaran sedang pesat membangun, termasuk di ASEAN dan Timur Tengah.

Untuk memanfaatkan trend pengagihan semula aset dalam kalangan pelabur antarabangsa, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti dan Niaga Hadapan, Julia Leung, mengumumkan strategi untuk meningkatkan status Hong Kong sebagai pusat pengurusan pembiayaan dan kekayaan yang terulung. Ini termasuk memperdalam hubungan antara tanah besar China dan pasaran Hong Kong dan menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab.

Andrew Sheng, felo terkemuka Asia Global Institute, Universiti Hong Kong, menekankan bahawa inisiatif seperti Belt and Road dan 'yuan digital' memperluaskan penggunaan mata wang dalam perdagangan rentas sempadan, memudahkan pengantarabangsaannya di Asia. Beliau menyatakan bahawa perusahaan tanah besar China boleh memanfaatkan kedudukan Hong Kong sebagai pusat RMB luar pesisir untuk menubuhkan ibu pejabat antarabangsa.

Para peserta juga membincangkan kesan AI dan perkembangan dalam pasaran aset maya global. Leung juga menyebut langkah untuk menarik firma teknologi berkualiti untuk disenaraikan di Hong Kong dan memperkemas proses untuk syarikat China berkualiti kembali ke pasaran Hong Kong.

Terutamanya, kelulusan Rang Undang-undang Stablecoins oleh Majlis Perundangan pada bulan Mei menandakan satu peristiwa penting, mewujudkan rangka kerja pelesenan untuk penerbit *stablecoin* yang disokong fiat sambil meningkatkan pengawasan kawal selia aset maya.

Timbalan Setiausaha Perkhidmatan Kewangan dan Perbendaharaan Kerajaan HKSAR, Joseph Chan, berkata bahawa langkah-langkah akan diambil untuk meneroka integrasi kekuatan kewangan tradisional Hong Kong dengan inovasi dalam aset maya untuk meningkatkan daya tahan dan fleksibiliti ekonomi. - ©XINHUA



**FOTO yang diambil pada 17 September 2024 ini menunjukkan terminal kontena di Hong Kong, Selatan China.**

# China keluar amaran kuning bagi Taufan Wutip

**BEIJING**, 14 Jun. - Balai cerap China pada Sabtu mengeluarkan amaran kuning untuk Taufan Wutip, taufan pertama pada tahun ini yang dijangka membawa angin kencang dan hujan lebat ke bahagian selatan negara itu, lapor Xinhua.

Menurut Pusat Meteorologi Kebangsaan, taufan itu dikesan pada 19.8 darjah latitud utara dan 108.8 darjah longitud timur pada 5 pagi Sabtu dan sedang bergerak ke arah timur laut dengan kelajuan 20 hingga 25 kilometer sejam.

Taufan itu dijangka melanda kawasan pantai dari Bandar Leizhou di Wilayah Guangdong, selatan China hingga ke Bandar Beihai di Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang sekitar tengah hari Sabtu. Selepas mendarat, taufan berkenaan dijangka semakin lemah dari segi kekuatan, menurut pusat itu.

China mempunyai sistem amaran cuaca empat peringkat yang dikodkan mengikut warna bagi taufan, dengan merah mewakili amaran paling teruk, diikuti oren, kuning dan biru. - ©BERNAMA

# Perancis bertekad iktiraf Negara Palestin - Menteri Luar

**ISTANBUL,** 14 Jun. - Menteri Luar Perancis Jean-Noel Barrot pada Jumaat mengulangi tekad negara itu untuk mengiktiraf Negara Palestin, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Perancis akan "menegakkan hak rakyat Palestin untuk menentukan nasib sendiri dengan mengiktiraf Negara Palestin," katanya semasa berucap dalam acara masyarakat sivil bertajuk "Paris Call for the Two-State Solution, Peace and Regional Security" anjuran Forum Keamanan Paris.

"Saya tegaskan sekali lagi di sini: apa pun perkembangan terkini di rantau ini, Perancis bertekad untuk melaksanakannya".

Barrot mengingatkan bahawa sudah tiba masanya untuk membawa penyelesaian politik kepada rakyat Palestin dan berkata mereka akan memberi tumpuan kepada isu itu semasa persidangan berkaitan penyelesaian dua negara anjuran Perancis dan Arab Saudi dengan sokongan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang dijadual berlangsung di New York hujung bulan ini.

"Penyelesaian politik ini melibatkan penubuhan sebuah negara Palestin yang berdaya maju dengan tadbir urus baharu serta jaminan keselamatan kukuh untuk rakyat Israel dan Palestin," katanya.

Barrot turut menggesa "keberanian" dan "mobilisasi kuat" daripada masyarakat antarabangsa ke arah "jalan keamanan", sambil mengulangi keperluan untuk "gencatan senjata segera, pembebasan segera dan tanpa syarat semua tawanan, serta penghantaran bantuan kemanusiaan secara besar-besaran dan tanpa halangan ke Semenanjung Gaza".

"Penyelesaian dua negara, yang terus kami pegang dengan teguh - sebagai prasyarat untuk keamanan dan keselamatan di rantau ini serta keperluan di bawah undang-undang antarabangsa - kini berdepan ancaman kewujudan: peningkatan tindakan unilateral di lapangan, pencepatan peluasan penempatan dan prospek pengilhakan, kebencian yang semakin mendalam serta keruntuhan proses damai," tegasnya.

Barrot berkata "terlalu ramai" orang awam menjadi mangsa konflik di Gaza yang "berlarutan terlalu lama". - ©BERNAMA

# 52 maut, puluhan hilang selepas dua bot penumpang terbalik di DR Congo

**KIGALI (Rwanda),** 14 Jun. - Sekurang-kurangnya 52 orang disahkan maut manakala puluhan lagi masih hilang selepas dua bot penumpang terbalik di Tasik Tumba di barat Republik Demokratik Congo, menurut pegawai pada Jumaat, lapor Anadolu Ajansi.

Kedua-dua bot itu karam dalam kejadian antara Rabu malam dan Khamis berhampiran Bikoro, kira-kira 128 kilometer dari Mbandaka di wilayah Equateur.

Pegawai Penyelarasan Wilayah bagi Panel Pakar Masyarakat Sivil Equateur, Dieu Merci Akula Mboyo berkata angka korban setakat ini yang disahkan ialah 52 orang.

"Kemalangan berlaku akibat muatan berlebihan dan tiupan angin kencang ketika hujan lebat," katanya kepada wartawan di Bikoro. Beliau berkata pengendali bot pada mulanya enggan mengambil lebih ramai penumpang tetapi akur selepas didesak.

Mboyo menggesa siasatan kerajaan bagi menentukan pihak bertanggungjawab dan mengelakkan tragedi seumpama itu berulang. Jumlah sebenar mangsa yang hilang masih belum disahkan pihak berkuasa, namun media tempatan menganggarkan kira-kira 100 orang berada dalam bot berkenaan.

Difahamkan, bot itu sedang dalam perjalanan dari Bikoro ke pasar kampung berhampiran ketika kejadian berlaku semasa ribut. - ©BERNAMA

# Tiada syarikat penerbangan Viet Nam guna ruang udara Israel, Iran

**HANOI**, 14 Jun. - Susulan ketegangan yang semakin memuncak antara Israel dan Iran yang menjejaskan industri penerbangan global, Viet Nam Airlines telah mengubah laluan penerbangannya bagi mengelak zon konflik, dengan mengutamakan keselamatan penumpang dan kru, menurut wakil syarikat itu kepada Agensi Berita Viet Nam (VNA) pada Jumaat.

Wakil berkenaan berkata penerbangan syarikat itu ke Eropah masih beroperasi seperti biasa.

Syarikat penerbangan Viet Nam yang lain, termasuk Vietjet Air, Bamboo Airways dan Vietravel Airlines, juga tidak menggunakan ruang udara Israel atau Iran.

Gangguan terhadap operasi penerbangan berlaku susulan serangan udara Israel ke atas sasaran di Iran, yang mencetuskan gelombang pembatalan dan penukaran laluan penerbangan di seluruh dunia.

Data daripada Flightradar24, sebuah perkhidmatan penjejakan penerbangan global, menunjukkan pelbagai laluan telah diubah bagi memastikan keselamatan penumpang dan kru.

Syarikat penerbangan utama telah menyesuaikan laluan untuk mengelakkan ruang udara Israel, Iran, Iraq dan Jordan. Media Kerajaan Iraq melaporkan bahawa negara itu telah menutup ruang udaranya dan menggantung semua operasi lapangan terbang pada awal 13 Jun.

Wilayah timur Iraq yang bersempadan dengan Iran merupakan antara koridor penerbangan tersibuk di dunia bagi penerbangan yang menghubungkan Eropah, Teluk dan Asia.

Jordan, yang terletak di antara Israel dan Iraq, turut menutup ruang udaranya beberapa jam selepas serangan udara Israel bermula. - ©BERNAMA

# Pergerakan kumpulan pertama jemaah haji Malaysia pulang ke tanah air lancar

**MAKKAH,** 14 Jun. - Pergerakan pulang kumpulan pertama jemaah haji Malaysia (KT001) ke tanah air melibatkan 277 orang dari bangunan penginapan Abraj Al Janadriyah ke Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdulaziz, Jeddah berjalan lancar.

Kesemua jemaah KT001 berkenaan akan menaiki pesawat MH8050 pada 5.40 pagi waktu tempatan, hari ini (Sabtu) dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang pukul 8.10 malam hari sama waktu Malaysia.

Pelepasan enam bas itu disempurnakan Ketua Rombongan Haji, Mohd Hisham Harun di pekarangan hotel penginapan Abraj Al Janadriyah pada 9.50 malam tadi.

Terdahulu, kumpulan ini tiba di Madinah pada 29 April dan telah berada kira-kira 48 hari di Tanah Suci untuk melaksanakan umrah wajib sebelum selesai melaksanakan ibadah haji minggu lepas.

Sebanyak 31,600 jemaah haji Malaysia dijangka pulang ke tanah air secara berperingkat melalui Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdulaziz dan Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammad bin Abdulaziz, Madinah dengan menaiki pesawat AMAL by Malaysia Airlines dan Saudia Airlines.

Penerbangan terakhir kumpulan jemaah haji Malaysia dijadualkan berlepas dari Madinah pada 10 Julai, 10.40 pagi waktu tempatan dan mendarat di KLIA pada 12.35 tengah malam (11 Julai). - ©BERNAMA

# SESI INTERAKTIF BAHASA ISYARAT TARIKAN ISTIMEWA RERUAI RTM DI KARNIVAL HAWANA 2025

**KUALA LUMPUR**, 15 Jun. - Reruai Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Karnival HAWANA 2025 tampil unik apabila menawarkan sesi interaktif belajar bahasa isyarat khususnya bagi mereka yang ingin memahami komuniti orang kurang upaya (OKU) pekak dengan lebih dekat.

Jurubahasa isyarat di RTM Tan Lee Bee berkata inisiatif itu bukan sahaja memberi peluang kepada pengunjung mempelajari bahasa isyarat, malah mendedahkan mereka kepada komuniti OKU pekak yang unik.

"Orang ramai boleh datang belajar bahasa isyarat. Bagi sesiapa atau stesen penyiaran yang berminat, mereka boleh memulakan dengan mengikuti kursus asas disusuli latihan serta berinteraksi bersama komuniti pekak untuk lebih memahami cara mereka berkomunikasi.

"Lama-kelamaan, mereka akan lebih mahir dan berpotensi menjadi jurubahasa isyarat seperti saya," katanya ketika ditemui di ruang legar Sunway Putra Mall, di sini.

Lee berkata penguasaan bahasa isyarat bukan sekadar menghafal gerak tangan, sebaliknya menuntut kefahaman mendalam terhadap mimik wajah, bahasa tubuh dan budaya komunikasi golongan pekak yang berbeza daripada masyarakat umum.

"Kalau nak jadi jurubahasa yang baik kita perlu rapat dan biasa dengan komuniti pekak. Dari situ, kita boleh faham cara mereka berkomunikasi dengan lebih tepat dan menyampaikan maksud sebenar melalui isyarat.

"Mungkin satu hari nanti, kita boleh siarkan berita yang disampaikan sendiri oleh individu pekak menggunakan bahasa isyarat. Siapa tahu, akan tiba masanya stesen TV menampilkan penyampai berita daripada komuniti ini," katanya.

Pengunjung K. Ariaratnam, 77, yang juga pesara kerajaan menyifatkan reruai Karnival HAWANA 2025 mempunyai pengisian yang bermanfaat lebih-lebih lagi dalam membantu orang ramai mendapatkan maklumat berkenaan keselamatan siber.

"Saya baca surat khabar semalam mengenai Karnival HAWANA 2025 di sini, jadi saya datang dan berasa kagum sebab nampak banyak inisiatif yang boleh dikongsikan kepada anak dan cucu saya.

"Selepas ke reruai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), barulah saya tahu mengenai kewujudan Sebenarnya.my untuk dapatkan kesahihan berita dan saya juga baru tahu nombor talian 997 bagi melaporkan jenayah penipuan," katanya.

Karnival HAWANA 2025 yang berlangsung selama tiga hari sejak Jumaat merupakan sebahagian daripada acara sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) tahun ini dengan majlis kemuncak diadakan semalam dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Sambutan HAWANA 2025 dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dengan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) selaku agensi pelaksana bertujuan mengiktiraf peranan dan sumbangan pengamal media dalam pembangunan negara. - ©BERNAMA

# PM Pakistan, Presiden Turkiye bincang pencerobohan Israel terhadap Iran

**NEW DELHI**, 15 Jun. - Perdana Menteri Pakistan, Shehbaz Sharif dan Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan, mengadakan perbualan telefon pada Sabtu bagi membincangkan situasi genting di rantau itu selepas tindakan agresif Israel terhadap Iran yang disifatkan sebagai tidak berasas.

Shehbaz berkata beliau mengulangi komitmen Pakistan terhadap keamanan dan diplomasi pelbagai hala, termasuk menerusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Menurut hantaran di platform X oleh Shehbaz, kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa serangan Israel merupakan ancaman kepada keamanan serantau.

Pejabat Presiden Turkiye dalam satu kenyataan berkata, Erdogan menyifatkan serangan Israel ke atas Iran sebagai tidak boleh diterima dan menegaskan tindakan itu akan "menjejaskan usaha perdamaian berkaitan program nuklear Iran".

"Presiden Erdogan turut menyatakan bahawa sikap membisu terhadap penjajahan dan pembunuhan beramai-ramai di Palestin telah mendorong Israel bertindak sejauh ini.

Oleh itu, penting untuk tidak membiarkan Israel menenggelamkan isu genosid di Gaza melalui serangan ini," menurut kenyataan itu. Kedua-dua pemimpin juga mengadakan perbualan berasingan dengan Presiden Iran Masoud Pezeshkian pada hari yang sama.

Shehbaz menyatakan solidariti Pakistan bersama rakyat Iran dalam menghadapi pencerobohan Israel dan mengecam pencabulan kedaulatan serta integriti wilayah Iran. "Iran berhak mempertahankan diri berdasarkan Perkara 51 Piagam PBB," katanya.

Menurut laporan agensi berita rasmi Iran (IRNA), Pezeshkian menghargai pendirian Pakistan semasa taklimat Majlis Keselamatan PBB pada Jumaat dan memberi amaran bahawa Iran akan memberi tindak balas lebih tegas sekiranya Israel meneruskan serangannya.

Presiden Iran itu juga mengkritik sikap berat sebelah Barat dan sokongan mereka terhadap rejim Israel dalam perbualannya dengan perdana menteri Pakistan. Pusingan keenam rundingan antara pegawai Iran dan Amerika Syarikat yang dijadualkan pada Ahad telah dibatalkan.

Menteri Luar Iran, Abbas Araqchi dipetik IRNA sebagai berkata : "Meneruskan rundingan antara Iran dan AS ketika rejim Zionis terus melakukan kekejaman adalah sesuatu yang tidak wajar". - ©BERNAMA

# Helikopter terhempas berhampiran Gaurikund - Media India

**NEW DELHI**, 15 Jun. - Sebuah helikopter yang dalam penerbangan dari Dehradun ke Kedarnath terhempas berhampiran Gaurikund di Uttarakhand pada Sabtu, lapor Xinhua yang memetik media tempatan India.

Menurut laporan media tempatan, terdapat lima atau enam orang berada dalam helikopter itu ketika nahas berlaku.

Cuaca di seluruh kawasan Lembah Kedarnath dilaporkan sangat buruk. Pasukan penyelamat dikerah ke lokasi untuk mengesan mangsa yang terselamat. - ©BERNAMA

# Bekas Presiden Nicaragua Chamorro meninggal dunia

**SAN JOSE (Costa Rica)**, 15 Jun. - Bekas Presiden Nicaragua, Violeta Barrios de Chamorro yang merupakan wanita pertama dipilih sebagai ketua negara di Amerika Latin meninggal dunia pada usia 95 tahun di Costa Rica, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Keluarga Chamorro mengumumkan pemergian beliau yang dikenali sebagai "presiden keamanan" pada Sabtu menerusi satu kenyataan yang disiarkan dalam akhbar La Prensa.

Chamorro memimpin Nicaragua dari 1990 hingga 1997 selepas mencatat kemenangan mengejut dalam pilihan raya presiden menewaskan kerajaan Revolusi Sandinista berhaluan kiri pimpinan Daniel Ortega. Beliau mengalami strok pada 2018.

"Doña Violeta menghembuskan nafas terakhir dengan tenang, dikelilingi anak-anak serta individu yang menjaganya dengan penuh kasih," menurut kenyataan keluarganya.

Beliau tinggal di San José bersama beberapa orang anaknya yang terpaksa hidup dalam buangan selepas Ortega kembali berkuasa pada 2007. Chamorro memenangi pilihan raya presiden 1990 sebagai calon pembangkang menewaskan presiden ketika itu, Daniel Ortega, yang juga bekas pejuang gerila.

Sejak kembali memegang kuasa pada 2007, Ortega mengambil tindakan keras terhadap pengkritiknya. Kerajaannya turut merampas premis akhbar bersejarah La Prensa milik keluarga Chamorro.

Chamorro sebelum ini adalah seorang suri rumah sehingga suaminya, wartawan pembangkang Pedro Joaquín Chamorro, dibunuh pada 1978 semasa pemerintahan diktator Anastasio Somoza. Selepas itu, beliau mengambil alih pengurusan akhbar itu dan menyertai perjuangan menuntut kebebasan. - ©BERNAMA

# Perlawanan pembuka Piala Dunia Kelab antara Miami-Al Ahly berakhir dengan keputusan seri

**LOS ANGELES,** 15 Jun. - Perlawanan pembuka tirai kejohanan bola sepak Piala Dunia Kelab antara pasukan Inter Miami yang dibarisi Lionel Messi dan kelab terkemuka Mesir, Al Ahly, berakhir tanpa jaringan pada Sabtu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Al Ahly banyak mengasak pada babak pertama, namun penjaga gol Inter Miami, Oscar Ustari, berjaya menyelamatkan lima percubaan bagi mengekalkan kedudukan tanpa jaringan di Stadium Hard Rock, Miami.

Pada separuh masa kedua yang lebih rancak, Al Ahly pula bergantung kepada ketangkasan penjaga gol Mohamed El Shenawy, yang menepis tandukan jarak dekat Fafa Picault sebelum menafikan sepakan melengkung jarak jauh daripada Messi pada masa tambahan.

Kedua-dua pasukan akan kembali beraksi pada 19 Jun, dengan Inter Miami menentang kelab Portugal, Porto, di Atlanta manakala Al Ahly akan bertemu kelab Brazil, Palmeiras, di New York. - ©BERNAMA

# ASEAN muncul pasaran eksport utama Korea Selatan di tengah ketegangan perdagangan global

**SEOUL**, 15 Jun. - Eksport Korea Selatan ke negara-negara anggota ASEAN mencatatkan peningkatan, sekali gus membantu mengimbangi kemerosotan penghantaran ke Amerika Syarikat (AS) dan China di tengah ketegangan perdagangan global yang sebahagiannya dipacu oleh dasar tarif baharu AS, menurut data yang dikeluarkan pada Ahad.

Agensi Berita Yonhap melaporkan bahawa eksport ke rantau ASEAN berjumlah US$47.88 bilion bagi tempoh Januari hingga Mei, meningkat 4.3 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu, menurut data Persatuan Perdagangan Antarabangsa Korea (KITA).

Dalam tempoh sama, eksport Korea Selatan ke AS menurun 4.3 peratus susulan kesan dasar tarif pentadbiran Presiden Donald Trump yang mula dirasai, manakala penghantaran ke China susut lima peratus.

Pada Februari, eksport ke negara ASEAN mencecah US$9.56 bilion - melepasi jumlah eksport bulanan ke China sebanyak US$9.5 bilion - buat kali pertama dalam tempoh 23 tahun.

Trend itu berterusan pada Mac, dengan eksport ke ASEAN mencecah US$10.26 bilion berbanding US$10.06 bilion ke China.

Namun pada Mei, eksport ke AS merosot 8.4 peratus tahun ke tahun kepada US$10.05 bilion, manakala penghantaran ke China turut berkurang 8.1 peratus kepada US$10.4 bilion.

Eksport ke ASEAN pula menurun sedikit sebanyak 1.3 peratus kepada US$10 bilion.

Agensi Promosi Perdagangan dan Pelaburan Korea (KOTRA) sebelum ini menyenaraikan negara-negara ASEAN sebagai destinasi eksport yang menjanjikan bagi Korea Selatan tahun ini, didorong oleh usaha global untuk mengurangkan kebergantungan kepada rantaian bekalan dari China, pertumbuhan pesat ekonomi digital serta pengembangan kelas pertengahan di rantau ini.

Antara barangan eksport berpotensi ke ASEAN termasuk semikonduktor, elektronik, peralatan rumah, robot, komponen bateri kenderaan elektrik (EV), kemudahan tenaga boleh diperbaharui dan lain-lain, menurut KOTRA.

"Di tengah pemisahan ekonomi antara AS dan China, Beijing kini berusaha memperluas pengaruhnya di pasaran ASEAN.

"ASEAN dijangka menjadi pasaran yang lebih penting pada masa depan memandangkan AS juga beralih kepada ASEAN sebagai sumber import menggantikan China," kata Presiden Institut Perdagangan Antarabangsa di bawah KITA, Austin Chang. - ©BERNAMA




# FALCONS PAMER AKSI CEMERLANG



**ANTARA aksi pada perlawanan Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNL) 2025 anjuran Persatuan Bola Jaring Brunei (BNA) yang diadakan di Dewan Silaturahim, Pusat Latihan Penjara Maraburong (kiri dan kanan).**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TUTONG**, Ahad, 15 Jun. - Tiga lagi perlawanan berlangsung hari ini bagi pusingan ketiga Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNL) 2025 anjuran Persatuan Bola Jaring Brunei (BNA) yang diadakan di Dewan Silaturahim, Pusat Latihan Penjara Maraburong, di sini.

Pada perlawanan sebelah pagi tadi, menyaksikan Falcons menundukkan Skuad Bola Jaring Kebangsaan Bawah-21, Young Bees dengan jaringan 60 - 38 melalui empat suku permainan.

Falcons memulakan rentak permainan agresif pada suku masa pertama dengan mencatat keputusan 19 - 11.

Percaturan Jurulatih Young Bees, Thilaka Jinadasa pada suku kedua lebih berhasil selepas anak didiknya mempamerkan aksi lebih kemas, namun belum cukup untuk memintas Falcons apabila kedua-dua pasukan terikat 13 - 13.

Falcons di bawah bimbingan Jurulatih, Abdul Rahman Haji Assim terus mengukuhkan kedudukan di suku ketiga dengan mencatat 13 - 11 di mana persembahan dominan itu berterusan pada suku akhir sehingga berhasil melebarkan jurang sebelum memastikan kemenangan 60 - 38.

Manakala dalam perlawanan sebelah petang pula menyaksikan Thundernets menewaskan Hydra dengan jaringan 42 - 30 dan Roses mengatasi Hokage Warriors dalam perlawanan sengit yang berkesudahan 48 - 47.

Tiga pemain turut dipilih sebagai 'Most Valuable Player (MVP)' untuk pusingan ketiga ini iaitu Nur Hafizah binti Haji Abdul Sidek dari Falcons, Rozmacynthia anak Simbilan dari Thundernets dan Dayangku Khalisha binti Pengiran Abdul Rahman dari Hokage Warriors.

Pusingan keempat BNL 2025 dijadualkan akan berlangsung pada 22 Jun depan di tempat yang sama.

# Kasuka FC rampas kedudukan teratas Piala Lela Cheteria



**ANTARA aksi perlawanan di antara Kasuka FC menentang Sekolah Sukan FC pada Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan merebut Piala Lela Cheteria 2025 di Padang dan Belapan, Berakas (kiri sekali dan kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Jun. - Kasuka FC berjaya merampas kedudukan teratas Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan merebut Piala Lela Cheteria 2025 selepas menumpaskan pasukan Sekolah Sukan FC dengan keputusan 4 - 0, di Padang dan Belapan, Berakas, baru-baru ini.

Kejayaan besar tersebut mengangkat pasukan berkenaan di puncak kedudukan liga selepas mengutip lapan mata menerusi dua kali menang dan dua kali seri sekali gus mengatasi jumlah kutipan mata yang diperoleh oleh tiga pasukan pencabar, iaitu Miri FA, Limbang FA dan Gergasi FC yang masing-masing memperoleh tujuh mata.

Kehadiran penyerang tinggi lampai dari Iran, Reza Rahmania nampak berbaloi apabila berjaya menyumbat jaringan seawal minit ke-3 selepas penyerang berkenaan berjaya merampas bola daripada hantaran lintang di dalam kotak penalti.

Sekalipun dikawal ketat, Reza Rahmania berjaya melololoskan diri dan berjaya melepas rembatan kencang pada minit ke-42 untuk kedudukan 2-0.

Walaupun ketinggalan jaringan, Sekolah Sukan FC jelas tidak berputus asa dengan melakukan serangan serang balas yang pantas namun asakan mereka gagal meruntuhkan tembok kental pertahanan Kasuka FC sebaliknya Adyka Farel pula berjaya menambah jaringan menjadi 3-0 untuk Kasuka FC pada minit akhir babak pertama.

Pertemuan pada babak kedua pula semakin menarik apabila Sekolah Sukan FC berjaya menukar rentak permainan dan kerap mencemaskan pertahanan Kasuka FC.

Namun, sentuhan menarik Iqbal Qusyairi pada minit ke-70 mula melesukan pasukan lawan dan ancaman Sekolah Sukan FC apabila gagal menemui sasaran sehingga tamat perlawanan yang menyaksikan Kasuka FC berjaya menggenggam mata penuh 4-0.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn